



LAPORAN KETUA PENGARAH PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL



KANDUNGAN

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	1
CARTA ORGANISASI	3
PERUTUSAN	4
PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL	6
<ul style="list-style-type: none">• DASAR DAN PEMBANGUNAN• RANCANG DAN OPERASI• PRODUK DAN PUBLIKASI• METOC	
KD SULTAN ABDUL AZIZ	32
KD PERANTAU	47
SEKOLAH PENGAJIAN HIDROGRAFI (SPH)	65
CAWANGAN HIDROGRAFI (MARKAS WILAYAH LAUT 2)	73

SIDANG EDITOR

PENAUNG
LAKSDA HANAFIAH BIN HASSAN

PENASIHAT

KETUA PENGARANG

PENGARANG

GRAFIK & SUSUN ATUR

PERCETAKAN
SEL PERCETAKAN

PENERBIT



PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL (PHN)

Peranan PHN adalah untuk mengumpul secara pengukur sistematik di laut dan persisir pantai, data rujukan geografik berkaitan :

- Konfigurasi perairan termasuklah infrastruktur untuk navigasi maritim (bantuan kepada navigasi dan kongurasi pelabuhan)
- Kedalaman lautan di kawasan berkepentingan (termasuklah kawasan yang menggugat keselamatan navigasi dan aktiviti marin yang lain)
- Kompisisi dasar lautan
- Pasang surut lautan
- Ciri zikal lapisan air



Untuk menganalisa serta memproses data yang dicerap untuk menerbitkan data yang komprehensif yang berkeupayaan untuk menghasilkan peta tematik, carta nautika serta dokumen dan publikasi berkaitan untuk kegunaan berikut :

- Navigasi maritim
- Operasi tentera laut
- Pengurusan pertahanan perairan
- Pemeliharaan persekitaran maritim
- Meneksploitasi sumber marin dan penentu kedudukan dasar laut serta saluran paip
- Menakrifkan sempadan maritim (implementasi Undang-undang Laut)
- Kajian saintifik mengenai zon dilautan dan kawasan berhampiran pantai

Menerusi pengukuran semula, pengumpulan maklumat daripada agensi maritim yang lain serta penyebaran data kepada pengguna yang memerlukan. PHN juga berperanan sebagai Designated National Authority (DNA) dan bertindak sebagai National Focal Point (NFP) kepada Suruhanjaya Oseanografi Antarabangsa untuk perkara yang berkaitan dengan oseanogra. Selain daripada itu, PHN akan memastikan penerbitan, pengagihan dan pengemaskinian carta justeru menentukan atau memastikan penyebaran informasi keselamatan maritim diberikan dengan cepat.

CARTA ORGANISASI



PERUTUSAN KETUA PENGARAH HIDROGRAFI



Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Pusat Hidrografi Nasional (PHN) telah melangkah ke tahun baharu dan pastinya telah berjaya mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan dalam mengekalkan kecemerlangan tahun 2018. Kini mula menempuh jendela tahun 2019 dengan meningkatkan mutu pencapaian kualiti terhadap amanah yang dipertanggungjawab dalam melaksanakan pengukuran hidrografi dan pencartaan di dalam perairan negara, akan terus memainkan peranan yang aktif di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Fungsi dan peranan yang dilaksanakan oleh PHN melibatkan obligasinya terhadap kepentingan ketenteraan, negara serantau dan antarabangsa. Sebagai negara anggota kepada International Hydrographic Organisation (IHO) dan International Maritime Organisation (IMO), Malaysia mempunyai tugas, tanggungjawab, obligasi dan liabiliti tertentu yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan.

Keperluan kepada pengukuran hidrografi dan pencartaan amat penting selaras dengan obligasi negara terhadap komuniti maritim antarabangsa untuk keselamatan pelayaran di laut. Selaku Penguasa Hidrografi Negara, PHN turut terlibat sebagai penasihat teknikal kepada kerajaan Malaysia berhubung isu persempadanan zon maritim, penyelidikan saintifik marin, pembangunan persisir pantai, eksplorasi dan eksploitasi sumber marin serta aktiviti lain yang melibatkan bidang hidrografi.

Laporan Ketua Pengarah Hidrografi (LKPH) yang dikeluarkan setiap tahun merupakan medium penyampaian maklumat secara rasmi berhubung pelaksanaan dan pencapaian aktiviti-aktiviti markas oleh aset hidrografi TLDM yang terdiri daripada PHN, KD SAAS dan unit-unit hidrografi dibawah naungan, KD PERANTAU, Sekolah Pengajian Hidrografi (SPH) dan Cawangan Hidrografi Markas Wilayah Laut 2. LKPH 2018 ini merupakan kesinambungan daripada laporan tahunan yang telah dibuat terdahulu dan akan memfokuskan kepada pelaksanaan serta pencapaian aktiviti hidrografi oleh aset-aset hidrografi TLDM bagi tahun 2018. Secara ringkasnya, PHN telah berjaya melaksanakan pengukuran hidrografi dan penerbitan produk nautika selari dengan keperluan tugas teras yang telah diamanahkan serta turut memenuhi sasaran kerja tahunan bagi tahun 2018.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ketua Pengarah (Laksamana Dato' Fadzil bin Yusof) yang telah bersara dan memberi tampuk pemerintahan yang baru kepada saya serta semua warga Pangkalan TLDM Pulau Indah atas sumbangan dan perkhidmatan yang telah dicurahkan sepanjang tahun 2018. Saya berharap kita semua dapat meningkatkan usaha agar PHN dan unit naungan akan beroleh kejayaan yang lebih cemerlang dan membanggakan dalam tahun 2019 untuk terus merealisasikan visi dan misi TLDM dalam menjaga kedaulatan dan kepentingan maritim negara.

SEDIA BERKORBAN

LAKSDA HANAFIAH BIN HASSAN

Ketua Pengarah Hidrografi
Pusat Hidrografi Nasional



PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL (PHN)






PHN merupakan satu markas dimana terdapat beberapa unit di bawah naungannya seperti KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH (KD SAAS) dan KD PERANTAU berdasarkan penyusunan semula Struktur Baharu TLDM berakhir Apr 17.

Sumber manusia atau modal insan adalah penting dalam setiap organisasi yang dibina. Sel Pengurusan Sumber Manusia bertanggungjawab terhadap pembangunan organisasi dan pengurusan sumber manusia yang menjadi pemangkin kepada pembangunan dan hala tuju sesebuah organisasi. Justeru itu, pengisian perjawatan dalam erti kata 'Right Man for the Right Job' adalah satu elemen yang penting dalam memastikan PHN berjaya mencapai Visi dan Misi serta sasaran kerja tahunan yang telah ditetapkan oleh pengurusan tertinggi TLDM. Selain daripada itu, PHN bertanggungjawab untuk memastikan semua warganya mendapat latihan secara menyeluruh dan bersesuaian dengan tugas supaya mutu penyampaian perkhidmatan yang diberikan adalah yang terbaik dan memenuhi kehendak stakeholder serta selaras dengan Visi TLDM iaitu 'Tentera Laut Bertaraf Dunia'.

Berakhir 31 Dis 18, PHN mempunyai kekuatan anggota seramai 153 orang daripada jumlah keseluruhan FED(M) iaitu 147 orang dengan mencapai peratusan yang baik iaitu 96.1%. Pecahan daripada kekuatan anggota tersebut, PHN mempunyai seramai 36 orang pegawai dan 112 anggota Lain-lain Pangkat (LLP) serta 5 orang penjawat awam yang bertanggungjawab mengoperasikan PHN ke tahap yang lebih efisien. Sel Pengurusan Sumber Manusia secara tidak langsung bertanggungjawab dengan unit-unit TLDM lain seperti KD PERANTAU, Mawilla 2 (Pejabat Hidrografi), Markas Pemerintahan Armada Timur, Markas Pemerintahan Armada Barat dan Markas Angkatan Kapal Selam yang mana pegawai dan anggota LLP yang ditempatkan di unit tersebut.



LATIHAN DAN KURSUS UNTUK KEPAKARAN HIDROGRAFI

Selaras dengan dasar latihan yang ditetapkan oleh perkhidmatan dalam menjana modal insan yang berketrampilan dan berpengetahuan, PHN secara berterusan merancang dan mengadakan latihan serta kursus-khusus kepada warga hidrografi. Ini adalah kerana, sebagai sebuah entiti yang berperanan dan bertanggungjawab di dalam hal ehwal hidrografi samada diperingkat TLDM, nasional mahu pun wakil Malaysia diperingkat antarabangsa. PHN perlu memastikan setiap warga hidrografi mempunyai kompetensi dan berkebolehan tinggi dalam melaksanakan tugas harian agar mutu kerja dan produk yang dihasilkan berkualiti.

Latihan yang dirancang dan dilaksanakan secara teliti akanberupaya untuk memberi nilai tambah dan manfaat kepada setiap warga

hidrografi dalam memastikan kepakaran dan kemahiran yang dimiliki setiap anggota sentiasa dipertingkatkan. Kursus ataupun latihan tersebut dipecahkan kepada beberapa kategori seperti berikut:

- Kursus Rancangan Latihan (RALA) TLDM.
- Kursus yang dilaksanakan diluar negara.
- Kursus di luar RALA TLDM atau anjuran pihak lain.

KURSUS (RALA TLDM 2018)

Bagi tahun 2018, PHN telah menyenaraikan 4 kursus di dalam RALA TLDM 2018 dimana semua kursus yang didaftarkan dikategorikan sebagai kursus Billet Pre-Requisite (BPR). PHN berjaya mencapai peratusan 100% dalam melaksanakan ke semua 4 kursus tersebut. Ke semua kursus yang dijalankan adalah secara In-House kecuali Kursus Kartografi Kategori B di Universiti

Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor. Implikasi kewangan penganjuran kursus RALA TLDM 2018 yang dilaksanakan oleh PHN berjumlah RM 80,000.00.

KURSUS LUAR NEGARA

Sepanjang tahun 2018, PHN telah menerima tawaran kursus yang diadakan diluar Negara menjurus kepada bidang hidrografi. Seramai 4 pegawai telah dipilih oleh TLDM bagi mengikuti kursus dan latihan tersebut. Secara puratanya PHN Berjaya mencapai 100% penyertaan dengan memenuhi kesemua tawaran kursus luar negara tersebut.

SIRI	KURSUS	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT	TEMPAT	PESERTA
(A)	(B)	(C)	(D)	(E)	(F)
1.	HIDROGRAFI KATEGORI A	8 JAN 18	10 JAN 19	UTM	2 X PEGAWAI
2.	PRA ASAS HIDROGRAFI	19 FEB 18	2 MAC 18	KDSI I	8 X PEGAWAI
3.	SISTEM PENGUMPULAN DATA	26 MAC 18	30 MAC 18	PHN	8 X LLP
4.	PERMODELAN NUMERIKAL	9 JUL 18	13 JUL 18	PHN	8 X LLP

SIRI	NAMA KURSUS/LATIHAN/BENGGEL	TEMPAT	TARIKH	PESERTA
1.	POSTGRADUATE CERTIFICATE IN OCEAN BATHYMETRY	HAMPSHIRE, AMERIKA SYARIKAT	20 OGOS 18 HINGGA 30 SEP 19	LT MOHAMMAD RAFAQ BIN PAIMIN TLDM N/404915
2.	MASTER OF SCIENCE IN HYDROGRAPHIC SURVEYING	MISSISSIPPI, AMERIKA SYARIKAT	10 OGOS 18 HINGGA 2 OGOS 19	LT MOHD MASSOUADI BIN MOHD ZUKRI TLDM N/404927
3.	DISKPESPA HIDRO OSEANOGRAFI	JAKARTA, INDONESIA	31 JUL 18 HINGGA 20 JAN 19	LT MUHAMMAD FAHMI BIN MUSA TLDM N/405311
4.	HIDROGRAFI KATEGORI B	HMS PENGUIN, SYDNEY AUSTRALIA	1 JUN 18 HINGGA 20 NOV 18	LT MUHAMMAD FITRI BIN ABDUL PATAH TLDM N/405429

AKTIVITI PENGUKURAN HIDROGRAFI 2018

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 16 aktiviti pengukuran telah dilaksanakan oleh platform pengukuran hidrografi TLDM sedia ada iaitu KD PERANTAU, Bot Hidrografi (BH) 1 dan 2 serta Tim Ukur Medan dari Platform Sewaan PHN iaitu MV Dayang Sari. Terdapat 2 daripada aktiviti tersebut merupakan pengukuran yang dilaksanakan oleh pihak swasta melalui perkhidmatan sewaan sistem multibeam dan bot ukur secara sebut harga.




Pengukuran hidrografi yang dilaksanakan oleh platform pengukuran hidrografi TLDM, hanya 9 Arahan Hidrografi (AH) berjaya diselesaikan dengan jayanya, manakala 1 AH telah ditangguhkan akibat kekangan kesiagaan aset yang ditugaskan iaitu BH 1 yang mengalami permasalahan jentera kanan pada Nov 18 dan pembaikan tersebut dilaksanakan pada bulan Jan 19. Manakala 4 AH yang telah dilaksanakan oleh KD PERANTAU,

kesemuanya melalui pengukuran oleh bot ukur kapal. Ini kerana kapal masih menjalani rutin Docking Essential Defect (DED) di Limbungan Bousted Naval Shipyard, Lumut. Isu dan permasalahan yang dihadapi ini dilihat mampu di atasi pada tahun 2019 dan AH yang tertangguh akan dilaksanakan selesai pembaikan.



Bagi pengukuran oleh MV Dayang Sari yang memasuki tahun kedua kontrak sewaan (Nov 17 sehingga Nov 18), platform ukur hidrografi ini berjaya dioperasikan selama 300 hari dan mencapai sasaran dengan keluasan pengukuran 19,000 km² seperti mana yang termaktub di dalam kontrak.

PENCAPAIAN PENGUKURAN HIDROGRAFI 2018 SEMENANJUNG MALAYSIA


SIRI	KAWASAN	UNIT	AH	CATATAN
1.	PENGUKURAN SEKITAR PERAIRAN PELABUHAN CALDER JOHOR	BOT HIDROGRAFI 1	AH 1/18	SELESAI
2.	PENGUKURAN TAMBATAN PANGKALAN TLDM (TPL) LUMUT	KD PERANTAU	AH 2/18	SELESAI
3.	PENGUKURAN PENCARIAN SEA BOT KM BAGAN DATOK APMM	BOT HIDROGRAFI 1	-	SELESAI
4.	PENGUKURAN LATIHAN BM Q-SEKITAR SELAT KLANG SELATAN	BOT HIDROGRAFI 1	-	SELESAI
5.	PENGUKURAN PERAIRAN TELUK RUBIAH	KD PERANTAU	AH 5/16	SELESAI
6.	PENGUKURAN DI PERAIRAN TOK BALI KELANTAN	KONTRAK SURVEY	-	SELESAI
7.	PENGUKURAN DI PERAIRAN LANGKAWI	KONTRAK SURVEY	-	SELESAI
8.	PENGUKURAN SEPANJANG SUNGAI SEMERAK TOK BALI, KELANTAN	KD PERANTAU	AH 7/18	SELESAI
9.	PENGUKURAN HIDROGRAFI UTM HIDRO II FIG/IHO/ICA KATEGORI A, PERAIRAN PELABUHAN SELATAN P.KLANG	BOT HIDROGRAFI 1 / KAT A UTM	AH 8/18	DITANGGUHKAN
10.	PENGUKURAN SEKITAR PERAIRAN PULAU TALANG, PERAK	KD PERANTAU	AH 9/18	SELESAI
11.	PENGUKURAN HIDROGRAFI UTM HIDRO II FIG/IHO/ICA KATEGORI A, PERAIRAN PELABUHAN SELATAN P.KLANG	KAT A UTM / WEST PORT	AH 10/18	SELESAI





PENCAPAIAN PENGUKURAN HIDROGRAFI 2018 SABAH & SARAWAK



SIRI	KAWASAN	UNIT		CATATAN
1.	PENGUKURAN DI SEKITAR PERAIRAN BETING PATINGGI ALI	MV DAYANG SARI	-	SELESAI
2.	PENGUKURAN SEKITAR BARAT BETING RAJA JAROM	MV DAYANG SARI	-	SELESAI
3.	PENGUKURAN DI SEKITAR PERAIRAN PELABUHAN KUNAK SABAH	BOT HIDROGRAFI 2	AH 3/18	SELESAI
4.	PENGUKURAN DI LALUAN MASUK DAN SEKITAR PERAIRAN JETI OPERASI STESEN LIMA TLDM	NHC	AH 4/18	SELESAI
5.	PENGUKURAN SEKITAR PERAIRAN TELUKAN LAHAD DATU	BOT HIDROGRAFI 2	AH 6/18	SELESAI





Seksyen Tadbir dan Rekod merupakan salah satu seksyen di bawah organisasi Pusat Hidrografi Nasional. Ianya berperanan menguruskan segala perkara yang melibatkan pentadbiran.

STRUKTUR ORGANISASI

2. Struktur organisasi PHN merujuk kepada struktur organisasi baru yang telah diluluskan melalui FED (M) No: 2120/1/2014 (Pindaan 2/16). Manakala struktur organisasi Seksyen Tadbir dan Rekod adalah seperti di Kembaran A dan Kembaran B dengan status pengisian perjawatan sebagaimana berikut:

BIL	PANGKAT	TADBIR	
		FED(M)	PENGISIAN
1.	KDR TLDM	1	1
2.	LT TLDM (S)	-	1(Tadbir & Rekod)
3.	BK PNK	-	1
4.	BM PNK	1	1
5.	LK PNK	1	1
6.	LK I PNK	1	1
7.	LK/ LK I HDI	-	-
8.	PT (KEW) W17/ W22	-	-
9.	PT (PO) KUP N17	-	-
10.	PEMB OPERASI N11	1	1
JUMLAH		5	7

BIL	PANGKAT	REKOD	
		FED (M)	PENGISIAN
1.	LT TLDM (S)	1	- Pemangku oleh Pegawai Tadbir PHN
2.	BK PNK	1	1
3.	LK PNK	1	1
4.	LK/LK I PNK	2	1 (1 x Anggota dipinjam ke Pejabat Gaji)
5.	LK/LK I PNK	1	1 (dari Pejabat PM)
JUMLAH		5	4

BIL	PANGKAT	KEWANGAN	
		FED (M)	PENGISIAN
1.	KDR TLDM	-	-
2.	LT TLDM	-	1
3.	BK PNK	-	-
4.	BM PNK	-	-
5.	LK PNK	-	1
6.	LK I PNK	-	-
7.	LK/ LK I HDI	2	1
8.	PT (KEW) W17/ W22	1	1
9.	PT (PO) KUP N17	1	-
10.	PEMB OPERASI N11	-	-
JUMLAH		4	5

3. Pejabat Tadbir PHN juga memainkan peranan sebagai Pejabat Pendaftaran dan Rekod KD SAAS. Penggabungan ini telah mula dilaksanakan bermula pada 23 Jun 14 sehingga 23 Ogos 14. Ianya terus diimplimentasikan sehingga kini. Berikut adalah tugas & tanggungjawab Pejabat Tadbir PHN & Pejabat Pendaftaran Rekod KD SAAS:

a. Tugas dan Tanggungjawab Pejabat Tadbir PHN.

- (1) Memastikan kelicinan, perjalanan tugas dan Tanggungjawab Pejabat.
- (2) Memastikan semua tindakan ke atas surat-surat yang diterima dilaksanakan.
- (3) Menentukan setiap pergerakan fail berjalan dengan lancar dan diambil tindakan oleh semua pegawai terlibat.
- (4) Menentukan semua persuratan mengikut peraturan yang terkandung di dalam PBB (MAL) 100 Malaysian Armed Forces Staff Manual Volume 1 Service Writing.
- (5) Menguruskan hal ehwal pentadbiran dan urusetia pejabat pejabat.

- (6) Mengurus dan memantau proses pengurusan fail dan dokumen.
- (7) Menyelaras dan menyediakan laporan, taklimat dan dokumen-dokumen pentadbiran yang berkaitan.
- (8) Melaksanakan lain-lain tugas tambahan seperti yang diarahkan oleh pihak atasan.
- (9) Mengkoordinasi penyediaan laporan taklimat dan dokumen pentadbiran untuk keseluruhan PHN.
- (10) Memuatnaik surat masuk dan keluar ke dalam sistem Digital Document Management System untuk rujukan.
- (11) Melaksanakan tugas mengemel surat-surat yang perlu diambil tindakan ke Pegawai yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya.
- (12) Menguruskan proses merekod servis perkhidmatan pegawai dan anggota bagi pegawai serta proses menyambung dan pemberhentian.

b. Tugas dan Tanggungjawab Pejabat Rekod KD SAAS.

- (1) Memastikan segala surat masuk dan keluar KD SAAS dibawa ke Pegawai Memerintah untuk tindakan.
- (2) Mengkoordinasikan segala urusan pentadbiran melibatkan keseluruhan pangkalan.
- (3) Menguruskan Dokumen Perkhidmatan warga PHN dan KD SAAS termasuk proses menyambung perkhidmatan, peralihan serta pemberhentian pegawai dan anggota.
- (4) Memuat naik surat masuk dan keluar KD SAAS ke dalam system Digital Document Management System (DDMS) untuk dijadikan bahan rujukan.

- (5) Menguruskan pengistiharan PERBAH DUA pegawai dan anggota.

BIDANG TUGAS & TANGGUNGJAWAB SEKSYEN KEWANGAN

4. Bidang tugas dan tanggungjawab Seksyen Kewangan meliputi:
 - a. Pengurusan Belanjawan yang meliputi Perancangan Perbelanjaan Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta kawalan terhadap prestasi perbelanjaan.
 - b. Memproses pembayaran bagi setiap perolehan, bekalan dan perkhidmatan yang disediakan.
 - c. Menguruskan pengeluaran Pesanan Tempatan secara elektronik bagi semua jenis perolehan iaitu melalui sistem eSPKB dan ePerolehan.
 - d. Memastikan daftar bil, penyata penyesuaian perbelanjaan, vot berkomputer diselenggara dengan betul.
 - e. Menguruskan dan menyelenggara kutipan hasil kerajaan melalui sistem eTerimaan.
5. Senarai Nama Pegawai dan Anggota seperti Kembaran B.

JAWATANKUASA & MESYUARAT

6. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun (JPKA) Program Pertahanan Maritim. Mesyuarat ini bersidang setiap 3 bulan sekali. KPH merupakan ahli tetap mesyuarat ini diatas kapasiti Pengurus Pusat Tanggungjawab (PTJ). Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengurus Program Pertahanan Maritim iaitu Panglima Tentera Laut. Mesyuarat JPKA Program Pertahanan Maritim Bil. 4/16 dijangka diadakan pada 19 Jan 17 di Bilik Mesyuarat Markas Tentera Laut, Tingkat 16 Wisma Pertahanan. Keperluan Laporan Prestasi dan Maklum Balas JPKA Program Pertahanan Maritim akan dikoordinasikan oleh Ketua Pegawai Staf Tadbir & Kewangan.

7. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun (JPKA) Pusat Tanggungjawab (PTJ) Pusat Hidrografi Nasional. Mesyuarat ini bersidang setiap 3 bulan sekali. KPH merupakan Pengerusi bagi mesyuarat ini. Mesyuarat JPKA bagi PTJ PHN Bil. 4/16 dijangka diadakan pada 10 Jan 17 jam 1430 di Bilik Mesyuarat Batimetri, Tingkat 2 Pusat Hidrografi Nasional. Keperluan Laporan Prestasi dan Maklum Balas JPKA PTJ PHN akan dikoordinasikan oleh Pegawai Kewangan.

8. Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) bagi Aktiviti Perolehan Pusat Tanggungjawab (PTJ) Pusat Hidrografi Nasional. Mesyuarat ini bersidang sekali setiap bulan atau berdasarkan keperluan semasa bagi aktiviti perolehan dan pembekalan perkhidmatan di PHN. KPH merupakan Pengerusi Tetap bagi mesyuarat ini. Keperluan mesyuarat dan Maklum Balas JKSH akan dikoordinasikan oleh Pegawai Kewangan.

ISU – ISU SEMASA

9. Document Digital Management System (DDMS) 2.0. Diperkenalkan oleh MAMPU yang akan diimplementasikan di Tadbir PHN dalam usaha penjimatan kos kertas dan juga masa serta lebih efisien dari segi penyampaian maklumat. Taklimat dan kursus kepada anggota tadbir telah dianjurkan oleh MAMPU di Cyberjaya untuk memberi pendedahan awal kepada agensi yang terlibat. Dijangka DDMS 2.0 akan dilaksanakan di markas ini pada 9 Apr 18 seterusnya menjadi markas pertama dalam ATM yang menggunakan sistem ini serta menjadi contoh dan role model kepada markas dan unit yang lain.

10. Kekurangan Staf Awam dan Tentera di Sel Perolehan dan Sel Terimaan. Terdapat 1 x Kekurangan Staf Tentera di Kaunter Jualan dan 2 x Staf Awam di Sel Kewangan. Kekurangan ini telah menyebabkan bebanan kerja yang bertambah dan melampau di Seksyen Kewangan ini. 2 X Staf Awam ini telah dipinda butiran dari Perjawatan di Mk TL dan MWL 1. Rujuk MTL(N1-1/8).500-1/4/1-(5) bertarikh 17 Jul 17. Justeru, saudara dikehendaki memantau dan memberi penekanan kerana markas ini telah berusaha dan fight perjawatan tambahan ini sejak 2 tahun lalu agar masalah 'manpower' ini dapat diselesaikan tidak lama lagi.

11. Perolehan secara ePerolehan dan 1GFMAS. Seperti yang saudara sedia maklum, Sistem Akruan baharu 1GFMAS telah pun berkuatkuasa pada 1 Jan 18. Banyak permasalahan telah timbul dan usaha untuk menanganinya telah diselesaikan satu per satu oleh Seksyen Kewangan. Buat masa ini, bagi menangani permasalahan pengeluaran Pesanan Kerajaan (LO), seksyen Kewangan telah mengambil inisiatif untuk mengeluarkan LO menerusi sistem 1GFMAS. Namun, ianya hanya dibenarkan sehingga 30 Jun 2018 sahaja. Dalam tempoh ini, semua permasalahan dalam sistem ePerolehan perlu diselesaikan secepat mungkin agar proses perolehan dapat berjalan seperti biasa.

MESYUARAT KE- 11 JAWATANKUASA TEKNIKAL MARIN MYGDI (JTMM)

Mesyuarat Ke-11 Jawatankuasa Teknikal Marin MyGDI (JTMM) telah berlangsung pada 4 Okt 18 jam 9.30 pagi di Bilik Mesyuarat 4003, Aras 40, Menara 1, Menara Berkembar PETRONAS, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Mesyuarat JTMM ini bertujuan untuk menzahirkan hubungan kerjasama antara Agensi Kerajaan dan Government Linked Companies (GLC) melalui perkongsian maklumat geospasial marin. Mesyuarat kali ini julung-julung kalinya diadakan di luar dari PHN yang mana Malaysia Petroleum Management (MPM) – Petronas menjadi hos bagi lokasi mesyuarat ke-11 ini.

Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Marin MyGDI (JTMM) juga adalah seiring dengan Pelan Strategik Pusat Hidrografi Nasional untuk menyediakan platform Marine Spatial Data Infrastructure (MSDI) di Malaysia seterusnya menyokong pembangunan Infrastruktur Data Geospasial Negara iaitu Malaysia Geospasial Data Infrastructure (MyGDI). MyGDI merupakan platform perkongsian maklumat geospasial di kalangan agensi pembekal dan pengguna sekaligus mengelakkan pembaziran daripada aktiviti-aktiviti bertindih dalam pengumpulan, pemprosesan dan penyaluran maklumat geospasial yang diperlukan untuk tujuan perancangan, pengawasan dan penguatkuasaan terhadap sumber marin Negara di kalangan jabatan Kerajaan dan agensi berkaitan.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg Laksamana Muda Hanafiah bin Hassan, Ketua Pengarah Hidrografi. Seramai 52 deligasi wakil daripada 22 agensi-agensi kerajaan dan Government Linked Companies (GLC) yang mana



merupakan ahli JTMM hadir di dalam mesyuarat ini. Antara agenda yang dibincangkan adalah maklum balas dari perkara-perkara berbangkit dari siri mesyuarat yang lepas serta membincangkan perkara lain-lain hal. Sesi mesyuarat juga diisi dengan sesi perkongsian maklumat dan pengalaman. Terdapat dua (2) pembentangan iaitu daripada wakil Petronas En M Zairi bin M Yusof yang memberi taklimat bertajuk General Bathymetry Initiative For PMO Water dan diikuti dengan taklimat bertajuk MyMarine Geo-Hub yang telah disampaikan oleh Kdr Kamaruddin bin Yusuff TLDM.

Mesyuarat selesai pada jam 12.20 tengahari dan seterusnya kesemua ahli mesyuarat di bawa melawat ke Skybridge Menara Berkembar Petronas dan diakhiri dengan juadah makan tengahari di Dulang Suite, Malaysia Petroleum Club Restaurant. Mesyuarat kali ini telah berlangsung dengan jayanya dan mencapai objektif yang digariskan dengan kerjasama erat pihak penganjur iaitu MPM Petronas serta seluruh ahli JTMM. Seterusnya Mesyuarat JTMM ke-12 dirancang akan dilaksanakan pada bulan Julai 2019 bertempat di Menara Telekom Malaysia. Pusat Hidrografi Nasional mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua agensi yang terlibat.

PANGKALAN DATA GEOSPATIAL MARIN (MYMARINE GEO-HUB)

PHN dalam penyediaan dan sedang giat membangunkan Marine Spatial Data Infrastructure (MSDI) di Malaysia bagi menyokong National Spatial Data Infrastructure (NSDI) di Malaysia yang dikenali sebagai Infrastruktur Data Geospasial Malaysia atau Malaysia Geospasial Data Infrastructure (MyGDI). MyGDI adalah inisiatif oleh kerajaan Malaysia untuk membangunkan infrastruktur data geospasial untuk meningkatkan kesedaran tentang ketersediaan data dan meningkatkan akses kepada maklumat geospasial. Ini dapat dipenuhi dengan memudahkan perkongsian data di kalangan agensi kerajaan dan awam.

PHN merupakan pusat pengumpulan data marin dan bertanggungjawab bagi merekodkan dan menyelenggara data marin di dalam Pangkalan Data Geospasial Marin (MyMarine Geo-Hub). PHN selaku Ahli Teknikal Jawatankuasa Zon Ekonomi Eksklusif (JKZEE) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menerima data marin daripada agensi pembekal data dan mempopulasikan ke dalam pangkalan data. Berikut adalah senarai data marin yang diterima pada tahun 2018.



Bil	Tarikh Terima Data	Nama Agensi/Syarikat	Jenis Data
1.	2 Feb 18	Murphy Sabah Oil Co. Ltd	Platform
2.	14 Mac 18	Time Dot Com	Kabel Dasar Laut
3.	19 Mac 18	Telekom Malaysia	Kabel Dasar Laut
4.	22 Mac 18	Vestigo Petroluem Sdn. Bhd.	Telaga Eksplorasi
5.	22 Mac 18	Petronas Carigali Sdn. Bhd.	Platform
6.	23 Mac 18	Roc Oil	Platform
7.	27 Mac 18	Petronas Carigali Sdn. Bhd.	Platform
8.	27 Mac 18	Petronas Carigali Sdn. Bhd.	Platform
9.	6-Apr-18	Petronas Carigali Sdn Bhd	Platform
10.	16-Apr-18	Petronas	Platform & Pipeline
11.	20-Apr-18	Petronas Carigali Sdn. Bhd.	Platform
12.	21-Apr-18	Sabah Shell Petroluem Company (Sspc)	Platform
13.	25-Apr-18	Sarawak Shell Berhad	Platform
14.	19-Jun-18	Sabah Shell Petroluem Company	Platform
15.	20-Jun-18	Petronas Carigali Sdn. Bhd.	Platform
16.	20-Jun-18	Sarawak Shell Berhad	Platform
17.	5-Jul-18	Sarawak Shell Berhad	Telaga Eksplorasi
18.	5-Jul-18	Sarawak Shell Berhad	Telaga Eksplorasi
19.	10-Jul-18	Murphy Sabah Oil Co Ltd	Telaga Eksplorasi
20.	11-Jul-18	Conocophillips Sarawak Ltd	Platform & Telaga Eksploitasi
21.	25-Jul-18	Lembaga Pelabuhan Klang	Telaga Eksplorasi
22.	16 Ogos 18	Conocophillips Sarawak Ltd	Pipeline
23.	24 Ogos 18	Hess Exploration And Production Malaysia B.V	Telaga Eksplorasi
24.	29 Ogos 18	Petronas Sdn Bhd	Platform
25.	29 Ogos 18	Sacofa	Platform & Pipeline
26.	8 Okt 18	Sarawak Shell Berhad (Rerama)	Telaga Eksplorasi

PERMOHONAN ULASAN MAKLUM BALAS BAGI JKOSC DAN JKZEE

Jawatankuasa One Stop Centre” (OSC) merupakan jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menimbang semua permohonan perlombongan di kawasan pelantar benua di bawah Akta Pelantar Benua 1966 melalui mesyuarat “One Stop Centre” (OSC) yang diuruskan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) (JKPTG) Bahagian Penguatkuasa dan Hasil Persekutuan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengangkat syor sokongan atau tidak kepada YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk kelulusan semua permohonan perlombongan. Ahli-ahli teknikal Jabatan/Agensi seperti berikut:


- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
- Jabatan Laut Malaysia (JLM)
- Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS)
- Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)
- Pusat Hidrografi Nasional (PHN)
- Jabatan Perikanan Malaysia (JPM)
- Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM)

Sebagai ahli tetap OSC, PHN bertanggungjawab untuk memberi maklum balas bagi setiap permohonan perlombongan kepada JKPTG dalam masa 10 hari dari tarikh penerimaan surat bagi memenuhi keperluan ISO. Selain itu, PHN juga bertanggungjawab untuk memberi maklum balas dalam pelaksanaan pengukuran hidrografi iaitu pre dredge bagi proses sebelum perlombongan dan post dredge

bagi proses selepas perlombongan. Bagi setiap proses ini firma akan melaksanakan pengukuran hidrografi mengikut piawaian IHO sebelum lesen perlombongan selama 3 tahun dikeluarkan oleh JKPTG. Bagi tahun 2018, PHN telah menerima 25 permohonan ulasan dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) bagi permohonan lesen melombong pasir dasar laut.

Sebanyak 19 permohonan ulasan bagi permohonan lesen melombong pasir dasar laut yang telah diterima daripada JKPTG di bawah Jawatankuasa One Stop Centre. Berikut merupakan statistik maklumbalas permohonan lesen melombong pasir dasar laut bagi tahun 2018:

Jawatankuasa Menimbang dan Meluluskan Permohonan di bawah Seksyen 21(1) dan 22 Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1984 pula bertanggungjawab untuk menimbang permohonan di bawah Seksyen 21(1) dan 22 Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1984 bagi permohonan membina struktur atau pemasangan kabel dasar laut atau talian paip yang diuruskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Bahagian Perdagangan Dalam Negeri.




Fungsi utama jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- a. Menerima dan menimbang permohonan untuk membina struktur atau pemasangan kabel dasar laut atau talian paip dalam Zon Ekonomi Eksklusif.
- b. Melulus atau menolak permohonan dan menetapkan tatacara dan proses permohonan dalam Zon Ekonomi Eksklusif atau pelantar benua.
- c. Memastikan syarat-syarat kelulusan dipatuhi oleh pihak yang bertanggungjawab.

Ahli-ahli teknikal Jabatan/Agensi seperti berikut:

- a. Majlis Keselamatan Negara (MKN)
- b. Jabatan Peguam Negara (JPN)
- c. Kementerian Pengangkutan Malaysia (KPM)
- d. Kementerian Komunikasi dan Multimedia
- e. Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM)
- f. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- g. Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- h. Jabatan Laut Malaysia (JLM)
- i. Pusat Hidrografi Nasional (PHN)
- j. Jabatan Perikanan Malaysia (JPM)
- k. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
- l. Jabatan Perikanan Malaysia
- m. Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS)

Sebanyak 25 permohonan ulasan maklum balas yang telah diterima daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di bawah Jawatankuasa Zon Ekonomi Eksklusif (JKZEE). Berikut merupakan statistik permohonan ulasan maklum balas JKZEE Bagi Tahun 2018:



BENGGEL PEMBANGUNAN SET DATA ASAS MARIN

Bengkel Pembangunan Set Data Asas Marin Bagi Perkongsian Antara Ahli Jawatankuasa Teknikal Marin MyGDI (JTMM) telah berlangsung dengan jayanya pada 16 Ogos 18 jam 9.00 pagi di Bilik Mesyuarat Batimetri, PHN.

Penganjuran bengkel ini dilaksanakan bertujuan bagi mengenalpasti keperluan set data asas marin (Foundational Dataset) dan darjah klasifikasi bagi setiap data mengikut piawaian sedia ada seterusnya bagi tujuan perkongsian. Seramai 30 deligasi daripada agensi-agensi kerajaan dan Government Linked Company (GLC) yang mana merupakan ahli Jawatankuasa Teknikal Marin MyGDI (JTMM) telah hadir di dalam bengkel ini.

Antara agenda bengkel ini adalah beberapa siri taklimat iaitu Peranan Pusat Hidrografi Nasional Sebagai Agensi Tunjak Marin, Marine Spatial Data Infrastructure (MSDI) dan pembentangan Pangkalan Data Marin Negara (MyMarine Geo-Hub). Bengkel tersebut turut mengadakan perbincangan pada draf Senarai Set Data Asas Marin yang mana merupakan objektif utama penganjuran bengkel pada kali ini. Sebanyak 12 Kategori data yang telah dipersetujui oleh ahli jawatankuasa yang hadir bagi tujuan perkongsian iaitu kategori data Maklumat Kedalaman (Batimetri), Sempadan Maritim, Zon & Lulau Perkapalan, Garis Pesisir Pantai, Kawasan Marin Yang Dilindungi, Batuan Karaman & Halangan, Alat Bantuan Pelayaran, Pembangunan Luar Pesisir Pantai, Meteorologi Marin dan Oseanografi dengan jumlah keseluruhan sebanyak 55 jenis data.

Bengkel ini juga turut membincangkan berkenaan Pembangunan Draf Terma Rujukan JTMM Versi 2 dan telah bersetuju dengan sedikit pembedaan serta beberapa penambahbaikan. Sesi bengkel selesai pada jam 4.00 petang dan mencapai objektif seperti dirancang. Dengan penganjuran bengkel ini, kesemua ahli jawatankuasa lebih jelas dalam pelaksanaan perkongsian data marin serta mendokong inisiatif

transformasi PHN melalui Marine Geospatial 2050 dan seterusnya memperkasakan peranan PHN sebagai agensi tunjak data marin. PHN bersama Ahli JTMM akan memberi perkhidmatan yang terbaik dalam membekalkan maklumat geospatial marin yang dipercayai, mudah diakses dan dapat dikongsi bagi tujuan keselamatan, pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan inovatif seterusnya memberi faedah kepada rakyat di masa hadapan.



SEMAKAN DATA KABEL DASAR LAUT MILIK TELEKOM MALAYSIA (TM)

Pada 19 Mac 18 Sekretariat JTMM telah melaksanakan perbincangan bersama pihak TM bagi menyemak keseluruhan data kabel komunikasi dasar laut milik TM. Hasil daripada perbincangan dua hala ini, sekretariat telah menerima keseluruhan salinan posisi data kabel komunikasi dasar laut di seluruh perairan Malaysia daripada TM. Kini data-data tersebut telah dimasukkan di dalam Pangkalan Data Geospasial Marin (My Marine Geo-Hub).






STESEN CERAPAN AIR PASANG SURUT

Pada tahun 2018 PHN mempunyai 6 stesen cerapan tolok air pasang surut di seluruh Malaysia dan data cerapan ini digunakan bagi menghasilkan Buku Jadual Pasang Surut Malaysia.

SENGGARAAN TOLOK PASANG SURUT


Bagi memastikan tolok air pasang surut milik PHN dalam keadaan selamat serta beroperasi dengan baik, pemantauan dan senggaraan secara berkala mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan sentiasa dilakukan dilapangan dimana lokasi peralatan tersebut dipasang. Secara keseluruhannya kerja-kerja senggaraan berjaya dilaksanakan dengan jayanya mengikut perancangan dan objektif kualiti yang telah ditetapkan.




STATISTIK PENJUALAN JPSM

Sepanjang tahun 2018 sebanyak 2,721 naskah Jadual Pasang Surut Malaysia Berjaya dijual dengan jumlah nilai sebanyak RM136,050.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,400 naskah dijual melalui agen manakala sebanyak 1,321 naskah penjualan biasa di kaunter jualan PHN.

JUMLAH JUALAN (NASKHAH) BUKU JADUAL PASANG SURUT MALAYSIA 2018



JUMLAH JUALAN (RM) BUKU JADUAL PASANG SURUT MALAYSIA 2018







JADUAL PASANG SURUT MALAYSIA 2019

Penerbitan Buku Jadual Pasang Surut Malaysia bagi tahun 2019 terdiri daripada 2 versi iaitu Buku Jadual Pasang Surut Malaysia (BJPSM) yang merangkumi Perairan Malaysia Singapura dan Brunei Darussalam serta Jadual Pasang Surut (JPS) Terhad untuk kegunaan ketenteraan. Sehingga kini terdapat 70 stesen pada BJPSM 2019 yang akan diterbitkan.

BIL	TAJUK	SIRI	CATATAN
1	RMN'S OPERATION & EXERCISES	DOC.NO.01/2018	SELESAI
2	RMN'S OPERATION & EXERCISES	DOC.NO.02/2018	SELESAI
3	RMN'S OPERATION & EXERCISES	DOC.NO.03/2018	SELESAI
4	RMN'S OPERATION & EXERCISES	DOC.NO.04/2018	SELESAI

LAPORAN PENCAPAIAN SEL PENYELIDIKAN PERTAHANAN MARITIM

Melaksanakan Kawalan Mutu dan pengarkiban data Oseanografi Fizikal dilakukan mengikut Arahan Pengukuran yang telah ditetapkan dalam tempoh 45 hari berkerja berakhir Nov 18.



Seksyen ini bertanggungjawab untuk merancang dan menerbitkan Carta Nautika dan Carta Panduarah Elektronik (ENC) untuk kegunaan ketenteraan dan juga industri maritim negara selain bertanggungjawab menguruskan Pusat Percetakan TLDM.

Disamping itu, bagi menyokong Program Transformasi TLDM 15to5 dalam merealisasikan National Charting Plan 2030, Seksyen Pencartaan telah melaksanakan penstrukturan semula perjawatan dan organisasi yang berkuatkuasa serta merta bagi memperkasakan seksyen agar setiap sel dapat berfungsi dengan baik dan cekap. Ini juga bagi memastikan setiap perancangan dan penghasilan produk menepati piawaian yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu pencapaian setiap sel di Seksyen Pencartaan berdasarkan organisasi baharu bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

a. SEL PRODUKSI

Sel Produksi adalah bertanggungjawab terhadap penghasilan Carta Nautika dan Carta Elektronik dengan menggunakan sistem *Hydrographic Production Database (HPD)* berdasarkan Sasaran Kerja Tahunan yang telah ditetapkan. Penerbitan Carta Nautika dan Carta Elektronik bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

- (1) Carta Nautika. Sebanyak 8 carta telah berjaya diterbitkan pada tahun 2018. Jumlah terkini carta yang diterbitkan berakhir 31 Dis 18 adalah 98 Carta Nautika, 19 Carta Terhad dan 6 carta Sulit Kapal Selam (SKS). Senarai Carta Baharu (CB) dan Edisi Baharu (EB) yang diterbitkan pada tahun 2018 adalah seperti jadual berikut:

SIRI	NAMA CARTA
I.	MAL 565 – KO TORUTAO – PULAU PINANG
II.	MAL 6359 – PELABUHAN KUANTAN DAN SUNGAI KUANTAN
III.	MAL 6400 – SEKITAR PERAIRAN KUANTAN
IV.	MAL 723 – TANJUNG BAYUNG – TANJUNG SIPANG
V.	MAL 7257 – MUARA RAJANG
VI.	MAL 5416 (T) – TAMBATAN PANGKALAN LUMUT
VII.	MAL653 (SKS) – KUALA PAHANG – KUALA TERENGGANU
VIII.	MAL 763 (SKS) – BARAT GUGUSAN BETING PATINGGI ALI

- (2) Carta Elektronik. Sebanyak 12 sel ENC telah berjaya diterbitkan pada tahun 2018. Berakhir 31 Dis 18, sebanyak 106 sel MyENC telah berjaya disiapkan untuk diedarkan dan dari jumlah tersebut sebanyak 93 sel ENC telah berada dalam pasaran antarabangsa melalui IC-ENC manakala ENC lain adalah untuk kegunaan TLDM sahaja. Senarai ENC yang telah disiapkan bagi tahun 2018 adalah seperti jadual berikut:

SIRI	NAMA SEL
I.	MY6B6130 – SELAT JOHOR TIMUR
II.	MY5A6416 – SEKITAR PERAIRAN PELABUHAN KEMAMAN
III.	MY5B5631 – TELAGA HARBOUR MARINA
IV.	MY5A5631 – PELABUHAN TELUK EWA
V.	MY4C5403 – SUNGAI PERAK
VI.	MY4C5631 – SEKITAR PERAIRAN PELABUHAN LANGKAWI
VII.	MY4A5403 – SUNGAI PERAK (SAMBUNGAN)
VIII.	MY5C8655 – PELABUHAN KUDAT
IX.	MY5C8502 – PELABUHAN LAHAD DATU
X.	MY3C8617 – SEKITAR PERAIRAN SANDAKAN
XI.	MY5A6359 – PELABUHAN KUANTAN
XII.	MY5C6359 – SUNGAI KUANTAN

b. SEL KARTOGRAFI

Sel Kartografi masih dalam proses melaksanakan pengukuhan pangkalan data bagi memastikan konsep one source multiple product dapat direalisasikan seiring dengan penerbitan produk menggunakan sistem *Hydrographic Production Database (HPD)*.

c. SEL CARTA PERTAHANAN

Sepanjang tahun 2018 sebanyak 18 permohonan telah diterima dan berjaya disiapkan. Senarai permohonan adalah seperti di Kembaran A.

d. SEL CETAK

Pada tahun 2018 sebanyak 132 permohonan percetakan telah diterima oleh PHN dan berjaya disiapkan. Senarai permohonan adalah seperti di Kembaran B.

e. SEL IMPAK ANALISIS

Sel adalah bertanggungjawab melaksanakan kajian dan analisa terhadap setiap sumber dan data yang diterima sebelum tindakan pembetulan carta, penerbitan navigational signal, notis pelaut, pembetulan blok, penerbitan Carta Edisi Baharu dan Carta Baharu diterbitkan. Semua Notis Pelaut bulanan juga telah berjaya diterbitkan sebelum atau pada setiap 10 haribulan pada bulan berikutnya manakala Notis Pelaut Tahunan telah diterbitkan pada 10 Jan 19.

4. Pengedaran ENC untuk TLDM. Pengedaran ER File untuk ENC telah dilaksanakan secara bulanan dan diedarkan kepada Pegawai Navigasi kapal-kapal TLDM. Sehingga kini, 42 buah kapal-kapal TLDM yang dilengkapi ECDIS telah berjaya dimuat naik 100 sel MyENC (termasuk ENC TERHAD) dan 6 MSS ENC. Bagi memenuhi keperluan lawatan dan operasi kapal di luar negara pula, PHN telah membekalkan sebanyak 469 sel ENC luar negara melalui perkhidmatan pembekalan oleh firma yang dilantik.



Malaysian Electronic Navigational Chart (MyENC) telah dinobatkan sebagai pemenang untuk Anugerah Geospasial Kebangsaan 2018

5. **Kontrak di bawah seliaan Seksyen.** Seksyen menyelia 4 kontrak PERO bagi tahun 2018. Semua kontrak berjalan dengan baik walaupun terdapat kekangan peruntukan untuk melaksanakan senggaraan terutama pada suku tahun ke-4. Ringkasan perbelanjaan bagi kontrak-kontrak di bawah seliaan Seksyen adalah seperti berikut:

- a. Kontrak Perolehan Pembekalan Alat Ganti, Perkhidmatan Selenggaraan dan Latihan Sistem Maklumat Hidrografi (HIS) (12 Sep 14 hingga 11 Sep 19).

Perkara	Had Bumbung	Perbelanjaan 2018	Perbelanjaan berakhir 31 Dis 18	Baki Semasa
Alat Ganti (OS 26000)	RM 257,415.00	RM 30,406.40	RM 178,385.40	RM 79,029.60
Senggaraan (OS 28000)	RM 656,160.00	RM 84,480.60	RM 576,600.60	RM 79,559.40
Latihan+ Antivirus (29000)	RM 286,425.00	RM 45,000.00	RM 281,925.00	RM 4,500.00
Jumlah	RM 1,200,000.00	RM 159,887.00	RM 1,036,911.00	RM 163,089.00

- b. Kontrak Perkhidmatan Senggaraan dan Pembekal Alat Ganti Peralatan Percetakan (Offset) (1 Sep 16 hingga 31 Ogos 19).

Perkara	Had Bumbung	Perbelanjaan 2018	Perbelanjaan berakhir 31 Dis 18	Baki Semasa
Alat Ganti (OS 26000)	RM 501,293.00	RM 162,037.17	RM 404,137.17	RM 97,155.83
Senggaraan (OS 28000)	RM 560,907.00	RM 192,578.07	RM 390,764.50	RM 170,142.50
GST	RM 67,800.00	-	-	RM 67,800.00
Jumlah	RM1,130,000.00	RM 354,615.24	RM 794,901.67	RM 334,298.33

- c. Kontrak Perolehan Membekal dan Menghantar Barang Pakai Habis Pusat Percetakan TLDM (1 Jan 17 hingga 31 Dis 19).

Perkara	Had Bumbung	Perbelanjaan 2018	Perbelanjaan berakhir 31 Dis 18	Baki Semasa
Pakai Habis (OS 27000)	RM 2,000,000.00	RM 460,509.08	RM 1,096,792.04	RM 903,207.96

- d. Kontrak Perolehan Perkhidmatan Senggaraan dan Pembekalan Alat Ganti Untuk Pelbagai Peralatan Percetakan (1 Jan 17 hingga 31 Dis 19).

Perkara	Had Bumbung	Perbelanjaan 2018	Perbelanjaan berakhir 31 Dis 18	Baki Semasa
Alat Ganti (OS 26000)	RM303,477.00	RM 92,533.10	RM 300,248.64	RM 3,228.36
Senggaraan (OS 28000)	RM 354,523.00	RM 78,413.96	RM186,870.58	RM 167,652.42
GST	RM 42,000.00	-	-	RM 42,000.00
Jumlah	RM 700,000.00	RM 170,947.06	RM 487,119.22	RM 212,880.78

6. Ringkasan Perbelanjaan Seksyen Mengikut OS. Secara dasarnya seksyen telah membelanjakan sebanyak RM1,667,069.00 dimana RM1,145,958.38 adalah perbelanjaan melalui 4 kontrak dibawah seliaan seksyen dan baki RM566,110.62 adalah mengikut RP 2018. Pecahan perbelanjaan mengikut OS adalah seperti berikut:

OS24000	OS26000	OS27000	OS28000	OS29000
RM184,135.19	RM284,976.67	RM460,509.08	RM355,472.63	RM 381,975.43

7. Kumpulan Kerja Nama Pulau dan Entiti Geografi (KKNPEG). Sebagai sekretariat KKNPEG, Mesyuarat ke-17 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Kompleks Kota Darul Naim, Kelantan pada 26 Jul 18 yang lalu. Seterusnya hasil mesyuarat ini kemudiannya dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi (JTNGK) ke-20 yang telah dilaksanakan di Swiss Garden Hotel, Melaka pada 6 Sep 18. Mesyuarat ke-18 pula dirancang diadakan di UPEN Pahang pada pertengahan tahun 2019.

8. Kursus. Pada tahun 2018, selain kursus dalaman yang dilaksanakan secara bulanan, Seksyen turut terlibat dalam kursus dan peningkatan keupayaan modal insan seperti berikut:

a. Persidangan Teknikal IC-ENC ke-3. Persidangan ini telah diadakan di Bristol, United Kingdom dari 23 hingga 25 Okt 18. Persidangan teknikal ini menyediakan platform untuk negara ahli mengkaji dan meningkatkan semua aspek teknikal pengeluaran, kandungan, pengesahan, kawalan kualiti serta pengedaran sel ENC, dengan matlamat utama untuk mencapai kualiti dan konsistensi yang tinggi dalam penghasilan setiap sel ENC oleh negara ahli.

b. Kursus Pengendalian Perisian Caris Hydrographic Production Database. Kursus telah dilaksanakan pada 24 Sep hingga 19 Okt 18 bertempat di Pejabat Geospasial. Ianya bertujuan bagi memberi pendedahan kepada anggota terhadap konsep, piawai dan teknologi terkini CARIS HPD dalam kerja-kerja pengurusan data dan seterusnya penerbitan carta dan produk nautika.

c. Bengkel Carto Production DB System Development. Bengkel telah diadakan di Shanghai China pada 20 hingga 26 Okt 18. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Maritime Safety Administration of China (MSA) di bawah program East Asia Hydrographic Commission (EAHC) Capacity Building Worked Program. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan membincangkan isu berkaitan pengurusan Hydrographic Production Database (HPD) menggunakan perisian CARIS.

9. Aktiviti Bulanan Seksyen. Status kerja seksyen telah dibincangkan dalam mesyuarat kemajuan kerja bulanan. Seterusnya selepas mesyuarat, jamuan bulanan bersama seksyen METOC turut diadakan bagi meraikan hari lahir staf, kelahiran anak baharu selain untuk menghargai staf yang bertukar keluar. Seksyen juga telah mengadakan pertandingan sukan antara sel bagi memupuk semangat perpaduan dan kerjasama diantara staf.

10. Kecemerlangan. Bagi tahun 2018, antara kejayaan yang berjaya dicapai oleh staf seksyen adalah seperti berikut:

a. Anugerah Geospasial Kebangsaan 2018 (AGK). Anugerah ini dianugerahkan kepada PHN bersempena projek Malaysian Electronic Navigational Chart (MyENC) semasa hari Geospasial Kebangsaan 2018. Pegawai yang terlibat dari Seksyen Pencartaan adalah seperti berikut:

(1) Lt Kdr Ahmad Shahrin bin Abu Zarin TLDM

(2) Lt Kdr Muhamad Khairul bin Abdullah TLDM

b. Anugerah Inovasi Tentera Laut (AITL). Anugerah ini dianugerahkan kepada PHN bersempena projek Malaysian Notice to Mariners Online (MyNTM Online) yang mana PHN telah diangkat menjadi Johan dalam Inovasi Penciptaan Kategori Hibrid. Projek ini juga berjaya layak ke peringkat akhir Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan (AIKP) 2018. Pegawai dan staf terlibat dari Seksyen Pencartaan adalah seperti berikut:

(1) Lt Kdr Ahmad Shahrin bin Abu Zarin TLDM

(2) Lt Kdr Muhamad Khairul bin Abdullah TLDM

(3) LK I HDI Nur Aqidah binti Abdul Aziz

c. Anugerah Berkualiti Pangkalan TLDM Pulau Indah. Staf yang telah dipilih bagi anugerah tersebut adalah seperti berikut:

(1) Penggal Pertama - LK HDI Zahari bin Muhamad (Laskar)

(2) Penggal Kedua - BM HDI Mohd Azli bin Mohd Afandi (Bintara)

(3) Penggal Kedua - LK HDI Kamarozaman bin Mamat (Laskar)

(4) Penggal Ketiga - BM HDI Mohd Hafiz bin Jaafar (Bintara)

11. Keanggotaan. Keseluruhan perjawatan seksyen telah dilaksanakan penstrukturan semula melibatkan perjawatan dan keanggotaan pada Dis 18 yang lalu dan terdapat penambahan terhadap bahagian sel dan keanggotaan secara holistik. Namun pada masa kini Seksyen masih mampu melaksanakan tugas tanpa sebarang masalah. Pada tahun 2018 juga berlaku beberapa perubahan dan pertukaran di Seksyen Pencartaan yang melibatkan sumber manusia.

12. Kebajikan. Kes kebajikan yang melibatkan staf seksyen adalah seperti berikut:

- a. Lt Kdr Muhamad Khairul bin Abdullah TLDM menjalani pembedahan *Anterior Craciate Ligament (ACL)* Columbia Hospital pada 28 Jan 18 dan bercuti sakit selama 90 hari bagaimanapun telah mula bekerja semula pada 28 Feb 18. Pegawai masih dalam status LDOD hingga 29 Jan 19 dan akan menjalani *Isometric Knee Strength Test* pada 29 Jan 19.
- b. LK HDI Mohd Yusnizam bin Yusof menjalani pembedahan *Anterior Craciate Ligament (ACL)* Columbia Hospital pada 13 Okt 18 dan sekarang mendapat cuti sakit selama 90 hari. Mula bekerja semula pada 14 Jan 19.
- c. LKIHDI Nur Aqidah binti Abdul Aziz menjalani rawatan sakit *Prolapse Intervertebral Disc L4/L5* pada 28 Sep 18 di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang dan rawatan Fisisio pada 2 Jan 19.

13. Perancangan 2019. Bagi tahun 2019, Sel Kartografi dan Sel Produksi telah merancang untuk menerbitkan 5 Carta Baharu dan 8 Carta Edisi Baharu bagi Carta Nautika manakala untuk Carta Elektronik sebanyak 9 ENC Baharu dan 7 ENC Edisi Baharu. Seksyen juga telah menghasilkan Rancangan Penerbitan Carta 2019 hingga 2021 bagi memastikan segala senarai Carta Baharu dan Carta Edisi Baharu yang dirancang direkodkan dan dijadikan rujukan pada masa akan datang serta selaras dengan Arahan Pelaksanaan Mewujudkan Pangkalan Data Kartografi bagi mengelakkan *redundancy* dalam penghasilan produk. Perancangan juga telah dibuat untuk mengkaji dan menambahbaik Publikasi Nautika yang sedia ada dengan bekerjasama dengan Sel Geospatial untuk memantapkan lagi penggunaan perisian HPD bagi meningkatkan jumlah produk yang diterbitkan. Oleh itu Bengkel Geospatial akan diadakan pada 7-10 Jan 19 bagi membuat penambahbaikan serta memastikan publikasi terkini dapat diterbitkan sebelum 31 Jan 19.

KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH (KD SAAS)



Kapal Diraja SULTAN ABDUL AZIZ SHAH (KD SAAS) merupakan unit yang ditempatkan di Pusat Hidrografi Nasional. Unit ini bertanggungjawab dalam menguruskan mekanisme pentadbiran untuk warga pangkalan TLDM Pulau Indah dan warga TLDM yang bertugas di Istana Kayangan dari segi kebajikan, kenaikan pangkat anggota, gaji, perumahan, mengkoordinasikan Perintah Harian pangkalan dan pelbagai aktiviti lain.

Laporan tahunan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pencapaian pelaksanaan aktiviti pengurusan dan pentadbiran di bawah KD SAAS sepanjang tahun 2018.



FUNGSI DAN PERANAN


Menyediakan perkhidmatan berkualiti untuk keselesaan dan kesejahteraan pangkalan serta menyediakan keperluan pengurusan berkualiti bagi PHN.

PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN 2018

Sepanjang tahun 2018, KD SAAS telah berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti yang dilaksanakan dari bulan Januari hingga Nov 2018 antaranya adalah seperti berikut:

Ceramah Maulidur Rasul SAW. Ceramah Maulidur Rasul telah dilaksanakan pada 11 Jan 18 jam 1830H di Wisma Laskar bertujuan bagi melahirkan kecintaan, kasih sayang dan memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta merapatkan hubungan silaturrahim di kalangan warga Pangkalan. Aktiviti tersebut telah dihadiri oleh Ketua Pengarah Hidrografi, Pegawai Kanan serta warga Pangkalan TLDM Pulau Indah (PTPI).





Mesyuarat Pengurusan Dan Pentadbiran KAGAT Siri 1/2018. Mesyuarat Pengurusan dan Pentadbiran KAGAT adalah suatu platform untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran KAGAT. Mesyuarat ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Batimetri Pusat Hidrografi Nasional Pangkalan TLDM Pulau Indah pada 27 Mac 18. Mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Pengarah KAGAT Mej Jen Dato' Haji Kamarudin bin Haji Mamat. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk mendapat maklumat-maklumat terkini daripada semua formasi berkaitan pengurusan dan pentadbiran KAGAT. Seramai 40 orang pegawai kanan yang terlibat terdiri daripada pegawai-pegawai KAGAT yang bertugas di bawah naungan Laut dan Udara.



Taklimat Koperasi Tentera.

Taklimat berkenaan Skim Insurans Koperasi Tentera dan Produk-Produk Koperasi Tentera (Biasiswa, Sumbangan, Bantuan Faedah Caruman) telah disampaikan oleh wakil dari Koperasi Tentera pada 24 Jan 18 di Auditorium PTPI. Taklimat ini dianjurkan bagi tujuan menerangkan pelaksanaan skim insurans koperasi tentera dan produk caruman serta memberi peluang kepada anggota untuk mengemaskini maklumat waris skim insurans kelompok.



Program Gotong-royong Masjid Al-Qayyum.

Pangkalan TLDM Pulau Indah telah melaksanakan program gotong-royong di Persekitaran Masjid Al-Qayyum pada 26 Jan 18 bertempat di Bandar Armada Putra. Program ini merupakan kerjasama warga Pangkalan bersama penduduk setempat dalam usaha untuk mengeratkan hubungan yang sedia erat. Selain itu, ia juga menerapkan semangat gotong-royong dan permuafakatan dengan penduduk setempat serta memberi sumbangan ke arah memakmurkan masjid melalui persekitaran yang ceria dan bersih. Program ini dihadiri oleh Warga PTPI serta dirasmikan sepenuhnya oleh Pegawai Memerintah KD SAAS.





Ceramah Pelaksanaan Hibah Takaful.

Ceramah pelaksanaan hibah Takaful dalam perancangan harta pusaka telah dilaksanakan pada 6 Feb 18 bertujuan meningkatkan pengetahuan warga pangkalan berhubung aspek wasiat dan perancangan harta pusaka di masa akan datang. Ceramah ini dihadiri oleh warga pangkalan dan penceramah jemputan adalah daripada wakil Great Eastern takaful Berhad.



Ceramah Motivasi dan Pembimbing Rakan Sekerja.

Ceramah motivasi ini telah dilaksanakan di Auditorium PHN pada 13 Feb 18 bagi tujuan memperkasakan sistem bahagian dan pementoran warga PTPI serta memberi kefahaman berhubung fungsi bimbingan motivasi dan kaunseling dalam TLDM. Ceramah telah disampaikan oleh Lt Kdr Azwanizam bin Hj Abu Bakar TLDM, PS 2 Kesihatan, Disiplin dan Kaunseling dari Bahagian Sumber Manusia, Markas Tentera Laut dan dihadiri oleh kesemua warga PTPI.





Ceramah Op Perisai Akidah PTPI.

Ceramah Op Perisai Akidah telah diadakan pada 23 Feb 18 jam 0900H di Auditorium Pusat Hidrografi Nasional. Ceramah ini diadakan bagi tujuan memberi pendedahan dan pengetahuan yang jelas berkaitan penyelewengan akidah dan kepentingan penerapan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Selain itu juga, objektif utama ceramah ini adalah bagi mencegah pengaruh ajaran sesat di kalangan warga TLDM serta keluarga.



Pertandingan Bola Tampar PTPI bagi Tahun 2018.

Pertandingan Bola Tampar PTPI bagi tahun 2018 telah dilaksanakan pada 28 Feb 18 bertempat di Gelanggang Bola Tampar PTPI. Aktiviti ini diadakan bagi tujuan memupuk semangat kesukanan dan keyakinan diri warga PTPI dan mengeratkan silaturrahim warga PTPI melalui aktiviti sukan serta meningkatkan kecergasan dan stamina.



Majlis Silaturahmi Sempena Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2018 PTPI.

Hari Wanita Antarabangsa atau Hari Wanita Sedunia disambut setiap tahun pada 8 Mac. Justeru, Majlis Silaturahmi Sempena Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2018 Pangkalan TLDM Pulau Indah telah diadakan pada 8 Mac 18 bertempat di Auditorium PHN dan Wisma Indah. Majlis ini diadakan bagi tujuan mengerat tali silaturahmi antara pegawai wanita, laskarnita, ahli BAKAT (L), kakitangan awam dan pekerja awam di Pangkalan TLDM Pulau Indah serta menggalak dan melibatkan wanita dalam aktiviti yang berfaedah. Majlis ini juga dapat meningkatkan perkembangan pengetahuan mengenai pemakanan dan penjagaan kesihatan menerusi ceramah yang disampaikan. Ceramah bertajuk Kesihatan Dari Sudut Pemakanan telah disampaikan oleh Puan Norazlina binti Mohamad dari Kumpulan Bersatu Bumi Perak, Kuala Lumpur dan majlis berlangsung dengan jayanya.



Ceramah Kesedaran Anti Dadah dan Kesannya bagi Warga PTPI.

Ceramah Kesedaran Anti Dadah dan Kesannya telah dianjurkan bagi warga PTPI bertempat di Auditorium PHN pada 22 Mac 18. Ceramah ini bertujuan memberi pendedahan kepada warga PTPI akibat dan kesannya terhadap penyalahgunaan dadah kepada individu, keluarga dan perkhidmatan TLDM. Selain itu juga, ianya dapat memperkasakan budaya benci dadah dikalangan warga PTPI serta meningkatkan pengetahuan kepada warga PTPI terhadap bahaya najis dadah.



Perbarisan Pengunduran Ketua Pengarah Hidrografi.

Perbarisan Pengunduran Ketua Pengarah Hidrografi telah dilaksanakan pada 3 Apr 18 di Padang Kawad KD SAAS. Tujuan perbarisan ini diadakan adalah memberi penghormatan terakhir kepada Yang Berbahagia Laksamana Muda Dato' Fadzilah bin Mohd Salleh yang akan menamatkan perkhidmatan beliau. Sebanyak 4 platun terlibat yang terdiri daripada pegawai, pegawai wahren, bintanga dan laskar kanan ke bawah dalam menjayakan perbarisan ini.



Majlis Serah Terima Tugas Ketua Pengarah Hidrografi.

Majlis Serah Terima Tugas Ketua Pengarah Hidrografi (KPH) telah dilaksanakan bersempena pengunduran KPH Ke-6, Laksamana Muda Dato' Fadzilah bin Mohd Salleh dan jawatan dipangku oleh Laksamana Pertama Hanafiah bin Hassan. Majlis Serah Terima Tugas KPH berlangsung pada 4 Apr 18 bertempat di Wisma Laskar Pangkalan TLDM Pulau Indah (PTPI) dengan disaksikan oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman bin Badaruddin serta warga Pangkalan TLDM Pulau Indah.





Program Admiral On Deck.

Program Admiral On Deck adalah satu program yang telah diperkenalkan oleh Pihak Tertinggi TLDM untuk meningkatkan interaksi bersama segenap lapisan The Navy People terutama warga PSSTLDM, PALAPES (L), PLASTLDM dan warga Pangkalan TLDM Pulau Indah. Matlamat utama aktiviti ini untuk memberi penerangan secara santai dan dapat merungkaikan pemahaman terhadap halatuju TLDM melalui Program Transformasi TLDM 15 to 5. Program ini dianjurkan bertujuan memberi pemahaman mengenai perancangan Program Transformasi Nasional 50 Pertahanan (TN50D) serta memberi penjelasan kepada The Navy People untuk bersama memberi sumbangan kepada negara melalui Naval Transformation Programe (NTP) 15 to 5. Selain itu juga, ianya memberi peluang dan ruang kepada semua warga untuk menyalurkan idea, pendapat, cadangan atau isi hati mereka ke arah kemajuan organisasi TLDM. Program berlangsung dengan jayanya pada 15 Apr 18 bertempat di Auditorium Rashdan Saba, Tingkat 3, Sangunan TNC Penyelidikan dan Inovasi Universiti Putra Malaysia, Serdang dan dihadiri oleh Panglima Tentera Laut serta warga PTPI dan PALAPES, PSS TLDM.

Lawatan Kapal Tentera Laut Diraja Thailand (TLDT).

Kapal Tentera Laut Diraja Thailand (TLDT) iaitu HTMS BANGPAKONG (FFG 456), HTMS PATTANI (OPV 51 1) dan HTMS MAKUTRAJAMARN (FF 433) telah membuat lawatan operasi ke Malaysia dan memasuki Pelabuhan Klang pada 29 Mac hingga 1 Apr 18. Dua kapal TLDT iaitu HTMS BANGPAKONG dan HTMS PATTANI telah merapat ke Jeti PTPI manakala HTMS MAKUTRAJAMRN telah bersauh berhampiran dengan Pusat Hidrografi Nasional (PHN). Lawatan ini adalah program pelayaran tahunan bagi Royal Thai Cadet Unit (RTNCU) bagi mendedahkan pegawai-pegawai kadet dengan komuniti tentera laut sahabat di dalam latihan mereka. Selain itu, lawatan ini juga adalah untuk ulang bekal logistik dan istirehat. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti Perlawanan Persahabatan Futsal, lawatan ke PHN dan kapal dan lain-lain lagi. Lawatan ini telah berlangsung dengan jayanya sehingga kapal keluar pelabuhan pada 1 Apr 18





Pertandingan Memancing Terbuka sempena Hari TLDM Ke-84.

Pangkalan TLDM Pulau Indah telah menganjurkan Pertandingan Memancing Terbuka sempena Hari TLDM Ke-84 dengan kerjasama West Coast Surfcaster (WCS) pada 21 Apr 18 di Tambalan Pangkalan TLDM Pulau Indah (PTPI). Seramai 500 peserta dari luar dan dalam telah menyertai pertandingan ini. Aktiviti ini dianjurkan bertujuan mengeratkan silaturrahim antara Navy People dengan warga ATM, masyarakat dan agensi awam/kerajaan serta memberi peluang kepada warga ATM dan orang awam untuk menyertai pertandingan serta memperkasakan 'Tentera dan Awam Berpisah Tiada'. Aktiviti ini dirasmikan oleh Pegawai Memerintah KD SAAS dan pemenang pertama telah memperoleh RM5,000 dengan berat ikan sebanyak 9.2 kg.



Taklimat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Taklimat ini telah diadakan di Auditorium PHN pada 19 Apr 18 serta dihadiri oleh warga PTPI dikalangan pegawai dan anggota. Taklimat ini dianjurkan bertujuan mempertingkatkan kefahaman anggota-anggota ATM dalam perkhidmatan mengenai kemudahan dan faedah-faedah yang bakal dinikmati oleh pencarum-pencarum wajib LTAT. Penceramah jemputan adalah daripada wakil LTAT dan taklimat berjalan dengan lancar dan jayanya.



Program Jiwa Murni Sempena Hari TLDM Ke-84.

Program Jiwa Murni sempena Hari TLDM Ke-84 telah dilaksanakan di Pusat Jagaan Kanak-Kanak *Down Syndrome* dan *Hyper Active*, Bukit Tinggi pada 24 Apr 18. Objektif utama program ini adalah bertujuan mengeratkan hubungan silaturrahim antara TLDM dan masyarakat semasa aktiviti jiwa murni serta menerapkan semangat gotong royong dan permuafakatan dengan kakitangan serta penghuni Pusat Jagaan Kanak-Kanak *Down Syndrome* dan *Hyper Active*, Bukit Tinggi. Penglibatan program ini disambut dengan kehadiran yang meberansangkan serta berjalan dengan jayanya.



Kursus Pengurusan Fail dan Rekod.

Kursus Pengurusan Fail dan Rekod telah diadakan di Bilik Kuliah 2, KD SRI KLANG (KDSK) pada 19 Apr 18. Kursus ini adalah sebagai pendedahan kepada pegawai, anggota dan kakitangan awam yang menguruskan persuratan dan rekod di pasukan. Kursus ini diadakan bertujuan mengenal pasli konsep dan perundangan pengurusan rekod mengikut Akta Arkib Negara 2003(Akta 629) serta melaksanakan urusan sistem fail dengan sistematik mengikut piawaian dan prosedur pengurusan rekod yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia. Selain itu juga, peserta dapat mengaplikasi proses pengurusan rekod dengan betul mengikut standard dan panduan yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia. Penceramah dijemput daripada Pegawai Arkib Negara, Puan Ernie dan kursus berjalan dengan lancar.

Majlis Interaksi Dan Penyampaian Bingkisan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2018.

Majlis Interaksi dan Penyampaian bingkisan Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2018 telah diadakan pada 7 Jun 18 di Auditorium PHN. Majlis ini dihadiri oleh warga PTPI dan mendapat sambutan hangat dikalangan pegawai dan anggota. Tujuan utama program ini dijalankan diantara interaksi antara Pengarah Kanan Hidrografi bersama pegawai, anggota, kakitangan awam PHN dan KD SAAS serta penyampaian bungkusan Hari Raya Aidilfitri kepada Awasan Bertugas pada 14, 15 dan 16 Jun 18.

Ceramah Celik Harta Pusaka Islam.

Ceramah Celik Harta Pusaka Islam telah diadakan pada 19 Okt 18 jam 0900 di Auditorium PHN. Ceramah ini bertujuan memberi pendedahan dan penerangan tentang Wasiat, Hibah Takaful, Deklarasi Harta Sepencarian dan Pentadbiran Harta Pusaka Islam serta meningkatkan kesedaran dan pengetahuan terhadap perancangan, pengendalian serta penyediaan Harta Pusaka Islam. Ceramah telah disampaikan oleh Puan Sarinah binti Osman daripada as-Salihin Trustee Berhad, Kelana Jaya dan telah berlangsung dengan jayanya.

Program Derma Darah, Pemeriksaan Kesehatan, Pameran TLDM, Tazkirah, Khutbah Khas dan Solat Jumaat.

Pangkalan TLDM Pulau Indah telah menganjurkan program derma darah, pemeriksaan kesehatan, pameran TLDM, tazkirah, khutbah khas dan solat Jumaat sempena Hari TLDM Ke-84 pada 27 Apr 18. Program ini dianjurkan bagi tujuan mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga TLDM dengan komuniti setempat dan agensi swasta/kerajaan serta melahirkan sikap keperihatinan terhadap golongan yang memerlukan. Selain itu, program ini juga menghulur bantuan kepada golongan yang memerlukan. Program ini dihadiri oleh warga PTPI, murid-murid sekolah, komuniti setempat, agensi kerajaan/swasta sekitar Pelabuhan Klang.



Majlis Berbuka Puasa Bersama MENHAN.

Majlis berbuka puasa bersama Menteri Pertahanan, YB Mohamad bin Sabu telah diadakan di atas kapal KD MAHAWANGSA pada 7 Jun 18. Acara bermula dengan ketibaan Menteri Pertahanan diiringi oleh Panglima Tentera Laut dengan menaiki helikopter Super Lynx. Setiba atas kapal KD MAHAWANGSA, Menteri Pertahanan (Menhan) telah dibawa lawatan ke Anjungan, mendengar taklimat operasi dan seterusnya lawatan di Galley.

Sementara menanti majlis Iftar, tazkirah ramadan telah disampaikan oleh Mej Abdul Jabar bin Yusof. Selesai iftar YB Menhan telah melaksanakan Solat berjamaah Maghrib bersama dengan warga kapal dan seterusnya makan malam. Acara berakhir dengan YB Menhan beramah mesra bersama dengan semua warga kapal sebelum kapal merapat di jeti Pangkalan TLDM Pulau Indah.



Majlis Pemakaian Pangkat dan Penyampaian Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017.

Majlis Pemakaian Pangkat dan Penyampaian Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) LLP tahun 2017 telah dilaksanakan pada 5 Okt 18 bagi pegawai dan anggota. Majlis ini diadakan bertujuan sebagai tanda penghargaan kepada anggota yang dinaikkan pangkat dan penerima APC bagi tahun 2017 serta disampaikan oleh Ketua Pengarah Hidrografi. Seramai 13 anggota penerima APC dan majlis berlangsung dengan lancar.



Lawatan ke *Cure and Care Rehabilitation Center* Dengkil.

Lawatan ke *Cure and Care Rehabilitation Center* Dengkil atau sebelum ini dikenali sebagai Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Dengkil telah diadakan pada 14 Nov 18 di *Cure and Care Rehabilitation Center*, KM 4, Jalan Banting, 43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan. Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan dan kesedaran kepada pegawai serta anggota berhubung aktiviti rawatan, pemulihan dan perkongsian pengalaman individu yang pernah terlibat dalam gejala penyalahgunaan dadah serta menjalin hubungan dan mengeratkan kerjasama antara TLDM dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).



STATUS KENDERAAN

Pejabat Kenderaan bertanggungjawab menguruskan 15 buah kenderaan dalam pegangan unit. Sebanyak 13 x kenderaan berada dalam keadaan Boleh Gerak (BG) manakala 2 x kenderaan berada dalam keadaan Tidak Boleh Gerak (TBG). Senarai status kenderaan adalah seperti di Kembaran A.

Bagi tahun 2018, sebanyak 4 buah kenderaan dimasukkan kedalam pegangan Pejabat Kenderaan KD SAAS dimana 2 x kenderaan adalah pinjaman bagi penggunaan Pengarah Kanan Hidrografi dan Kept Wan Baderul Hisan bin Wan Muda TLDM manakala 2 x kenderaan diterima dari pegangan kapal Ex-Mutiara seperti pengarah di Rujuk A hingga Rujuk C.

Sebanyak 2 buah kenderaan dikeluarkan dari pegangan Pejabat Kenderaan iaitu 1 x kenderaan (Proton Perdana) kerana telah ditukar hak milik kepada Mantan Ketua Pengarah Hidrografi, Laksmana Muda Dato Fadzillah bin Hassan seperti Perintah Bahagian X di Rujuk D manakala 1 x kenderaan (SsangYong Rexton ZL 2188) telah diserahkan kepada KD SRI GOMBAK (KDSG) seperti pengarah di Rujuk E pada 19 Okt 18.

REKOD SENGGARAAN DAN PEMBAIKAN

Pejabat Kenderaan telah melaksanakan rutin pelarasan bagi kesemua kenderaan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Sebanyak 5 buah kenderaan telah dilaksanakan pembaikan sepanjang tahun 2018. Senarai senggaraan dan pembaikan kenderaan KD SAAS bagi tahun 2018 adalah seperti di Kembaran B.

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

Pemasangan RFID. Sebanyak 6 buah kenderaan telah dipasang dengan pelekat Radio Frequency Identification System (RFID) seperti pengarah di Rujuk F pada 3 Ogos 18. Kesemua RFID berfungsi dengan baik dan segala transaksi RFID diuruskan oleh Bahagian Material Markas Tentera Laut.

Audit Pengurusan Teknikal Kenderaan dan Alat Pelbagai (PTKAP). Audit PTKAP telah berlangsung pada 17 Apr 18 hingga 20 Apr 18. Pemeriksaan Bahagian Kenderaan telah memperoleh markah 91.4% bagi menyokong Audit Kesiapsiagaan Pusat Hidrografi Nasional (PHN).

Permohonan Penggunaan Kenderaan. Statistik permohonan penggunaan kenderaan sepanjang tahun 2018 berakhir 13 Nov 18 adalah seperti berikut:

- a. PTPI – Sebanyak 1068 permohonan penggunaan kenderaan diterima dan dari jumlah tersebut, sebanyak 684 permohonan disediakan perkhidmatan manakala 384 permohonan tidak dapat disediakan atas kekurangan kesediaan kenderaan.
- b. Unit Luar. Sebanyak 18 permohonan diterima dan dari jumlah tersebut 13 permohonan disediakan perkhidmatan manakala 5 permohonan tidak dapat disediakan.

Federal Employment Document (Military) (Fed(M)) Kenderaan. Fed (M) Kenderaan KD SAAS masih menggunakan Fed (M) tahun 2014 seperti di Rujuk G. Bahagian Sumber Manusia (Dasar) telah mengeluarkan pengarah untuk memajukan cadangan Fed (M) Kenderaan baharu seperti di Rujuk H berdasarkan Fed (M) Perjawatan Baharu seperti di Rujuk I. Cadangan Fed (M) kenderaan baharu telah dimajukan seperti di Rujuk J pada 14 Nov 18 dengan keperluan 16 buah kenderaan.

STATUS KERJA-KERJA SENGARAAN PANGKALAN

Untuk memakluman pada tahun 2018, KD SAAS telah diperuntukan sebanyak RM3.14 juta melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi melaksanakan pelbagai kerja-kerja senggaraan dan pembaikan kemudahan infrastruktur pangkalan ini. Pecahan peruntukan dan status kerja-kerja adalah seperti di Kembaran A.

Projek baru yang diluluskan untuk dilaksanakan oleh Agensi Pelaksana JKR pada tahun 2008 adalah pembaikan gelanggang bola tampar berjumlah RM 30,000.00.

Bagi kerja-kerja senggaraan pangkalan yang dilaksanakan melalui Rancangan Perbelanjaan (RP) tahun 2018 adalah seperti berikut:

- a. Senggaraan Sistem CO2 dan Inergen.
- b. Senggaraan Bot Hidro 1.
- c. Senggaraan Alat Pemadam Api Kecil.
- d. Senggaraan Sistem Siaraya.
- e. Senggaraan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV).
- f. Senggaraan Pontoon No 2 dan No 3.
- g. Senggaraan Auto Reset Circuit Breaker 3 Phase.
- h. Senggaraan Pangkalan(Sivil).

REKOD SENGARAAN DAN PEMBAIKAN

Selain daripada kerja-kerja senggaraan yang dirancang, terdapat juga kerja-kerja senggaraan yang dilaksanakan berdasarkan laporan kerosakan yang dimajukan oleh warga PTPI. Sekiranya terdapat kerja-kerja yang diluar kemampuan bengkel, staf akan memajukan permohonan senggaraan melalui Pusat Tanggung Jawab(PTJ) PHN untuk dilaksanakan Pembaikan Luar dibawah skop Senggaraan Pangkalan. Pecahan rekod senggaraan mengikut bidang senggaraan adalah seperti di Kembaran B.

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

Audit Pengurusan Teknikal Kenderaan dan Alat Pelbagai (PTKAP). Audit PTKAP telah berlangsung pada 17 Apr 18 hingga 20 Apr 18. Pemeriksaan Bahagian Kenderaan telah memperoleh markah 91.4% bagi menyokong Audit Kesiapsiagaan Pusat Hidrografi Nasional (PHN).

Audit Pengurusan.

Audit Pengurusan PHN yang telah berlangsung pada 21 hingga 25 Mei 18. Jabatan Teknikal telah diaudit dibawa skop N8 iaitu pengurusan kejuruteraan.

KD PERANTAU







PENGENALAN

KD PERANTAU dibina di Limbungan Hong Leong Lurssen, Pulau Pinang yang berukuran 68m panjang dan 13m lebar. Kapal ini telah ditauliahkan pada 12 Okt 98 dan dimasukkan dalam inventori TLDM menggunakan nombor pennant 151. Kapal ini direka dan dilengkapi dengan sistem hidrografi terkini Teledyne Reson 7160 dan 7125 serta mempunyai 2 buah bot ukur bagi pelaksanaan pengukuran hidrografi.

Pada tahun 2018, kapal telah menjalani rutin *Docking Essential Defect (DED)* di Limbungan Boustead Naval Shipyard (BNS), Lumut. Kapal hanya belayar sehari pada 8 Dis untuk melaksanakan *Sea Acceptance Trial (SAT)*.

Walaupun menjalani rutin DED, kapal berjaya melaksanakan 5 aktiviti pengukuran berpandukan Arahan Hidrografi yang dikeluarkan oleh PHN termasuk pengukuran khas bersama Markas Selam dan Peperangan Periuk Api (Mk SPPA) dengan luas keseluruhan kawasan pengukuran yang dicapai ialah 99.5 km². Pelaksanaan pengukuran merupakan manifestasi terhadap tahap kompetensi dan profisiensi warga KD PERANTAU yang sentiasa dititikberatkan.


Di samping pelaksanaan pengukuran hidrografi kapal turut melaksanakan aktiviti-aktiviti sosial, kerohanian, kemasyarakatan dan sukan bagi melahirkan warga kapal yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan 4 nilai teras TLDM. Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun oleh kapal adalah seperti berikut :

- a. Majlis Bulanan dan Tahlil.
- b. Sukan.
- c. Majlis Pengunduran Ketua Pengarah Hidrografi Ke – 6.
- d. Perbarisan Perpisahan Pegawai Memerintah KD PERANTAU Ke –11.
- e. Majlis Sambutan Hari Raya KD PERANTAU.
- f. Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah KD PERANTAU dan Pegawai Kanan Skuadron 36 Hidrografi serta Street Lining.
- g. Perbarisan Ulung Pegawai Memerintah KD PERANTAU Ke –12.
- h. Majlis Pemakaian Pangkat.
- i. Program Jiwa Murni.
- j. Sambutan Hari Ulang Tahun Pentauliahkan KD PERANTAU Ke – 20.
- k. Movie Night KD PERANTAU.
- l. Dining In dan Dining Out Pegawai KD PERANTAU.
- m. Majlis Penerimaan Docking Essential Defect (DED KD PERANTAU).

PENGUKURAN HIDROGRAFI/PENUGASAN OPERASI


PENGUKURAN AH 2/18 DI LEMBANGAN TAMBATAN PANGKALAN LUMUT (TPL)

Pengukuran AH 2/18 di Lembangan Tambatan Pangkalan Lumut (TPL) telah berlangsung dari 28 Feb hingga 6 Mac 18. Pengukuran ini dilaksanakan bertujuan bagi mendapatkan data batimetri terkini serta menjamin keselamatan kapal-kapal TLDM yang bertambat di TPL. Hasil pengukuran mendapati terdapat perbezaan kedalaman antara 0.5 meter sehingga 0.6 meter dengan data pengukuran pada tahun 2016. Kedalaman yang semakin cetek ini berkemungkinan disebabkan pemendapan daripada serpihan Sheet Piles BNSSB yang telah rosak dan usang.




PENGUKURAN AH 13/17 SEKITAR PERAIRAN BARAT PULAU PANGKOR

Kapal telah melaksanakan pengukuran hidrografi AH 13/17 di sekitar perairan barat Pulau Pangkor secara berperingkat bermula pada 23 Nov 17 dan selesai sepenuhnya pada 3 Apr 18. Pengukuran ini dilaksanakan dengan menggunakan bot ukur Utarid dan Pluto dengan keluasan keseluruhan kawasan pengukuran adalah 34.7 km² yang dibahagikan kepada 4 sektor. Pembahagian sektor bertujuan untuk memberi peluang kepada Bintara Hidrografi KD PERANTAU menerajui operasi pengukuran di setiap sektor selaku *Officer in Charge* (OIC). Pelantikan Bintara ini bertepatan dengan tema penganjuran Seminar Pegawai Hidrografi 2017 iaitu "Memperkasa Modal Insan, Meneguhkan Organisasi".




PENGUKURAN AH 5/18 DI SEKITAR PERAIRAN TELUK RUBIAH, PERAK

Pengukuran AH 5/18 di Teluk Rubiah, Perak adalah sejajar dengan pembangunan semasa sekitar perairan tersebut. Pengukuran bermula pada 5 Sep hingga 19 Okt 18. Pengukuran dilaksanakan bertujuan bagi mendapatkan data batimetri terkini sekaligus menjamin keselamatan pelayaran di perairan tersebut di samping mengemaskini carta MAL 5410 dan MAL 5425. Luas kawasan pengukuran yang berjaya dicapai ialah 48.5km².



Pengukuran menggunakan Pemerum Gema Berbilang Alur (PGBA) telah dihadkan pada kedalaman 2 meter (cut off depth) bagi memastikan risiko terhadap peralatan dan keselamatan platform bot ukur dapat diminimumkan. Seterusnya, pada kawasan yang berkedalaman kurang dari 3 meter pihak kapal telah melaksanakan pengukuran Pemerum Alur Gema Tunggal (PGAT).

Pengukuran pada kali ini juga telah mengesahkan karaman sedia ada di posisi 04°08'12.96"N dan 100°35'20.60"E pada kedalaman 13.6 meter. Selain itu, karaman baru juga telah dijumpai di posisi 04°07'34.92"N dan 100°38'54.77"E.






PENGUKURAN AH 7/18 DI SEPANJANG SUNGAI SEMERAK TOK BALI, KELANTAN


Pengukuran AH 7/18 telah dilaksanakan mulai 11 hingga 16 Nov 18 dengan kerjasama pihak Tok Bali Supply Base (TBSB). Pengukuran ini dilaksanakan bertujuan bagi memenuhi keperluan penyediaan penerbitan carta baharu berskala besar yang meliputi batas pelabuhan Tok Bali. Pengukuran kali ini melibatkan 1 Tim Pengukuran Terpisah terdiri daripada 1 orang Pegawai dan 4 Anggota LLP.

Sesi perbincangan dan taklimat di antara wakil TBSB dan KD PERANTAU yang disertai oleh Pegawai Memerintah dan Pegawai Hidrografi dan Oseanografi Kanan turut dilaksanakan semasa lawatan tapak pada 14 Nov 18.



PENGUKURAN AH 9/18 DI SEKITAR PERAIRAN PULAU TALANG, PERAK

KD PERANTAU telah melaksanakan pengukuran hidrografi di perairan Pulau Talang, Perak pada 3 hingga 14 Dis 18. Pengukuran pada kali ini merupakan kerjasama di antara Mk SPPA dan PHN yang bertujuan bagi mengemaskini carta MAL 5425 serta mengambil kesempatan operasi mencari objek di dasar laut. Sepanjang 10 hari pengukuran di laut, RHIB KD DUYONG telah ditugaskan sebagai platform penyelamat. Luas kawasan pengukuran yang berjaya dicapai ialah 13.43 km².



LATIHAN HIDROGRAFI

Semasa kapal menjalani rutin DED di BNSSB, Jabatan Hidrografi telah melaksanakan latihan dalaman untuk memastikan anggota hidrografi sentiasa kompeten dengan bidang tugas berkaitan hidrografi. Selain itu, KD PERANTAU turut menghantar wakil bagi mengikuti kursus yang dianjurkan oleh PHN. Senarai kursus yang pernah dihadiri oleh wakil kapal ialah:

- Kursus Tidal Prediction and Analysis di UTM KL 15-19 Okt 18.
- Kursus *Carto Production Database System Development* di Shanghai, China 22-26 Okt 18.
- Kursus *Backscatter* di UTM KL 26-30 Nov 18.

Senarai latihan hidrografi yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 seperti berikut:

BIL	MODUL	KEKERAPAN
1.	Pengoperasian <i>total station</i> dan <i>levelling</i> bagi tujuan pengarasan	10
2.	Pemasangan dan pemerhatian tolok pancang surut	10
3.	Stesen Geodetik	10
4.	Tatacara Pemasangan Peralatan dan Pengendalian Sistem di Bot Ukur	10
5.	Pengukuran <i>Single Beam</i> dan <i>Multibeam</i>	4
6.	Teori dan Pratikal Pemprosesan Data (Caris HIPS and SIPS)	4
7.	Penghasilan Carta Digital	4





MAJLIS BULANAN SERTA TAHLIL KD PERANTAU

Majlis bulanan kapal diadakan setiap bulan bagi meraikan warga kapal bersempena sambutan hari jadi, kelahiran cahaya mata, warga yang baru berkahwin, bertukar keluar, tamat perkhidmatan serta penyampaian sijil warga berkualiti. Majlis ini diadakan di kapal yang dipelbagaikan tempat penganjuran mengikut parts of ship yang bersesuaian. Majlis ini juga dimanfaatkan untuk Pegawai Memerintah berinteraksi dengan warga kapal dan memberi nasihat secara langsung.

Selain itu, aktiviti kerohanian seperti tahlil dan doa selamat turut dianjurkan bagi memohon kesejahteraan dan keselamatan warga kapal dan ahli keluarga dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan. Penganjuran majlis ini membuktikan pihak pengurusan kapal sentiasa menitikberatkan hal kebajikan warga kapal untuk melahirkan modal insan yang seimbang dan berkualiti.

Anggota yang diraikan memotong kek bagi meraikan sambutan hari jadi.



SUKAN

Kesihatan merupakan antara elemen penting bagi memastikan warga kapal berupaya melaksanakan tugas dengan cemerlang sebilang masa. Warga yang sihat menyumbang kepada organisasi yang lebih produktif. Pihak kapal turut memperkenalkan Wanderers Cup iaitu pertandingan di antara awasan port dan stbd. Pertandingan ini dilaksanakan bagi memupuk semangat kesukanan dan kerjasama di antara warga kapal selain membina semangat kekeluargaan dan Esprit De Corps di kalangan warga kapal.

Sukan-sukan yang dipertandingkan bagi tahun 2018 adalah Futsal, Badminton, Bola Tampar, Sepak Takraw, Menembak dan Bola Sepak. Walaupun sedang sibuk menjalani rutin DED di BNSSB, sebanyak 6 sukan telah berjaya dilangsungkan sepanjang tahun 2018 dengan keputusan kemenangan bersama awasan port stbd iaitu 3 berbalas 3. Pertandingan ini akan terus dilaksanakan pada tahun hadapan dengan sukan yang dipertandingkan diakhiri dengan bilangan ganjil.

Selain itu, kapal telah terlibat secara langsung dengan Program Armada Sportif iaitu program sukan warga Armada yang diperkenalkan oleh Pegawai Kanan Armada. Program ini dilaksanakan oleh kapal pada setiap pagi Selasa dan Khamis setiap minggu.





MAJLIS PENGUNDURAN KETUA PENGARAH HIDROGRAFI KE - 6

Majlis Pengunduran Ketua Pengarah Hidrografi (KPH) ke - 6, YBhg Laksamana Muda Dato' Fadzilah bin Mohd Salleh telah dilaksanakan pada 28 Mac 18. Majlis diadakan bagi menghargai jasa dan sumbangan beliau khususnya di dalam bidang hidrografi. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Pegawai Memerintah KD MUTIARA, Kdr Khairul Anuar bin Abdul Aziz TLDM dan Ketua Sekolah Pengajian Hidrografi Lt Kdr Mohd Farhan bin Mohd Nordin TLDM serta warga hidrografi yang berkhidmat di Pangkalan TLDM Lumut.



PERBARISAN PENGHARGAAN PEGAWAI MEMERINTAH KD PERANTAU KE - 11

Perbarisan ini telah dilaksanakan di Jeti Operasi Tambatan Pangkalan Lumut pada 28 Jun 18. Perbarisan ini diadakan sebagai simbolik penghargaan Kdr Mohd Shukri bin Mohd Yusof TLDM yang bertukar keluar ke Universiti Pertahanan Nasional Malaysia sebagai Pensyarah Kanan Fakulti Sains dan Teknologi Maritim. Upacara perbarisan telah diketuai oleh Lt Kdr Ramli bin Mohd TLDM dan disertai oleh semua warga kapal. Mantan Pegawai Memerintah telah menyampaikan amanat terakhirnya dan merakamkan setinggi penghargaan di atas kerjasama padu yang diberikan oleh warga kapal sepanjang tempoh perkhidmatan beliau.



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA KD PERANTAU

Majlis ini telah diadakan pada 29 Jun 18 di D' Batik Motel untuk menyemarakkan sambutan Hari Raya Aidilfitri selain dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di antara warga kapal dan keluarga. Sambutan telah disambut dalam suasana yang sederhana namun meriah. Bertepatan dengan tradisi Hari Raya Aidilfitri, Pegawai Memerintah turut telah menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak warga KD PERANTAU. Majlis juga telah diserikan lagi dengan penyampaian Sijil kepada Bintara dan Laskar Terbaik KD PERANTAU bagi penggal pertama 2018. Acara kemuncak bagi majlis ini ialah penyampaian cenderahati dari semua jabatan kepada mantan Pegawai Memerintah.



MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS PEGAWAI MEMERINTAH KD PERANTAU DAN PEGAWAI KANAN SKUADRON HIDROGRAFI Ke-36 SERTA STREET LINING

Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah dan Pegawai Kanan Skuadron 36 Hidrografi antara Kdr Mohammad Shukri bin Mohd Yusof TLDM dan Kdr Azrul Nezam bin Asri TLDM telah dilaksanakan pada 2 Jul 18. Majlis telah dimulakan dengan upacara menandatangani Sijil Nota Serah Terima Tugas di antara Mantan Pegawai Memerintah kepada Pegawai Memerintah baharu sambil disaksikan oleh oleh Pemangku Panglima Armada Barat, Laksma Abu Bakar bin Mohd Ajis. Seterusnya, beliau telah menyempurnakan upacara penurunan Insignia Pemerintahan dari Mantan Pegawai Memerintah dan pemakaian Insignia Pemerintahan kepada Pegawai Memerintah Baharu. Mantan Pegawai Memerintah telah menyerahkan teropong sebagai simbolik pemerintahan KD PERANTAU dan boya sebagai simbolik Pegawai Kanan Skuadron Hidrografi Ke - 36 kepada Pegawai Memerintah baharu.

Selesai majlis tersebut, warga kapal berbaris untuk melaksanakan *street lining* di sepanjang laluan bermula dari Kamar Pegawai Memerintah hingga ke *gangway*. Acara ini memberikan peluang kepada warga kapal untuk penghormatan terakhir kepada mantan Pegawai Memerintah KD PERANTAU.





MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA LLP

Pada tahun 2018, seramai 23 anggota LLP telah dinaikkan pangkat di dalam majlis yang disempurnakan oleh mantan Pegawai Memerintah dan Pegawai Memerintah baharu. Kenaikan pangkat merupakan pengiktirafan dari pihak tertinggi TLDM kepada anggota untuk terus berdaya saing dan meningkatkan usaha di masa hadapan.






PERBARISAN ULUNG PEGAWAI MEMERINTAH KD PERANTAU KE - 12

Menjadi tradisi regimental untuk seseorang Pegawai Memerintah yang baharu mengambil alih tampuk pemerintahan melaksanakan perbarisan ulung. Perbarisan ini telah diadakan di perkarangan Bangunan Unit Pengawasan Senggaraan Armada Barat pada 25 Jul 18. Hal ini bertujuan bagi memastikan amanat dan pengharapan Pegawai Memerintah dapat disampaikan kepada semua lapisan warga kapal. Selain itu, melalui aktiviti perbarisan ianya memupuk semangat kerjasama, mengekalkan tahap disiplin dan memperbaiki kekemasan serta rupacara warga KD PERANTAU.

Semasa ucapan ulung tersebut, Pegawai Memerintah telah menekankan aspek Responsive, Interoperability, Unity of Effort dan Mission Effective untuk didokong oleh warga KD PERANTAU.

PROGRAM JIWA MURNI

Bagi memupuk semangat kerjasama dan saling membantu, pihak kapal telah menganjurkan Program Jiwa Murni di Pondok Hidayatullah Batu 8, Lekir pada 16 Ogos 18. Program yang turut disertai oleh para pelajar tahfiz ini bertujuan bagi membersihkan kawasan persekitaran pondok. Selain itu, sambutan hari jadi, majlis tahlil dan doa selamat sepanjang telah diadakan bersama dengan pelajar tahfiz.



SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN PENTAULIAHAN KD PERANTAU KE - 20

KD PERANTAU telah mengadakan sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) Pentauliah yang ke-20 pada 11 Okt 18. Sambutan ini telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah, Kdr Azrul Nezam bin Asri TLDM bertempat di Lokasi 45, BNS. Acara pemotongan kek telah disempurnakan oleh anggota termuda di kapal iaitu 838462 LK I HDI Mohammad Tarmizi bin Rashidi dan anggota paling berpengalaman di kapal iaitu 823488 PW II HDI Mahmood Hasan Subhi bin Arman bersama Pegawai Memerintah



Movie Night KD PERANTAU

KD PERANTAU turut tidak melepaskan peluang menonton filem PASKAL di AEON Seri Manjung, Perak pada 2 Okt 18. Filem yang diadaptasi dari kisah benar ini berkisarkan kisah kejayaan PASKAL dalam Misi Pengaman PBB di Angola pada 1998 dan misi merampas semula kapal dagang MT Bunga Laurel daripada lanun Somalia di Teluk Aden pada 2011. Melalui tontonan filem PASKAL, diharapkan ianya dapat memupuk semangat cintakan tanah air di kalangan warga kapal dan ahli keluarga.



Dining In dan Dining Out PEGAWAI-PEGAWAI KD PERANTAU

Adalah menjadi tradisi di dalam Navy di mana majlis *Dining In/Out* diadakan bagi meraikan pegawai yang bertukar keluar/masuk ke sesuatu unit. Majlis *Dining Out* sempena perpindahan keluar (PSK), Lt Mohd Massuoadi bin Mohd Zukri TLDM telah diadakan pada 8 Jun 18 bertempat di Briyani House yang menyambung pengajian *Master of Science Programme in Hydrographic Surveying* di *University of Southern Mississippi* manakala Lt Nizam bin Azhan TLDM bertukar keluar ke PHN sebagai Timbalan Pegawai Staf Penyelidikan Numerikal. Sebagai tanda penghargaan, cenderahati berupa sebuah replika kapal telah disampaikan oleh Pegawai Memerintah, Kdr Azrul Nezam bin Asri TLDM.

Di samping itu, pegawai muda yang baru melapor masuk ke kapal telah mengkoordinasikan majlis *Dining In* bertempat di *D'Sauk Café*, Manjung pada 7 Nov 18. Majlis ini diadakan bagi meraikan pegawai muda yang menjalani Latihan Sambil Kerja (LSK) Fasa 1 bermula pada 15 Okt 18 sehingga 13 Jan 19.

MAJLIS PENERIMAAN DOCKING ESSENTIAL DEFECT (DED) KD PERANTAU

Majlis Penerimaan DED telah disempurnakan oleh Panglima Logistik Barat (PANGLOB), Laksamana Pertama Ir. Franklin Jeyasekhar Joseph dengan Ketua Jabatan Pembaikan Kapal Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNSSB), En. Mohd Sidek bin Zambri. Majlis turut disertai oleh Pegawai Kanan Armada, Pegawai Memerintah UPS Barat, AKS Logistik Markas Pemerintahan Armada Barat, PS1 Flotila Bantuan Cawangan Penguasa Kejuruteraan Armada, pihak BNSSB dan warga kapal KD PERANTAU.

Majlis dimulakan dengan mesyuarat penerimaan di Wisma Antartika yang dipengerusikan oleh YBhg PANGLOB. Seterusnya, lawatan ke bilik jentera utama dan sesi menandatangani Sijil Penerimaan DED KD PERANTAU di Geladak Belakang. YBhg PANGLOB telah yang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada pihak BNSSB dan warga KD PERANTAU kerana berjaya menyelesaikan rutin DED 11 hari awal dari tarikh yang sepatutnya. Beliau turut mengingatkan warga kapal untuk melaksanakan rutin senggaraan secara berkala bagi memastikan pengoperasian kapal di tahap yang tertinggi.



SEKOLAH PENGAJIAN HIDROGRAFI (SPH)





PELAKSANAAN KURSUS SEKOLAH PENGAJIAN HIDROGRAFI (SPH) SEPANJANG TAHUN 2018

Senarai kursus yang telah dilaksanakan oleh SPH sepanjang 2018 adalah seperti berikut:

Bil	Siri Kursus	Kursus/ Aktiviti	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Bil Pelatih	Pengambilan
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)	(g)
1.	C003-0185	Penyelia HDI	8 Jan 18	8 Jul 18	15	194&196
2.	C003-0057	HDI Kelas I	8 Jan 18	1 Jul 18	20	215
3.	C003-0059	HDI Kelas II	26 Feb 18	1 Jul 18	15	216
4.	C003-0155	PNG HDI Kelas II	4 Jun 18	11 Nov 18	14	214
5.	C003-0057	HDI Kelas I	2 Jul 18	2 Dis 18	15	216
6.	C003-0059	HDI Kelas II	3 Sep 18	6 Jan 19	15	217

KURSUS C003-0185 (PENYELIA HDI)

Kursus ini telah bermula pada 8 Jan 18 dan berakhir pada 8 Jul 18. Seramai 15 orang pelatih terdiri pengambilan 194 & 196 dan telah berjaya menamatkan kursus tersebut. Kursus ini dilaksanakan bertujuan untuk melayakkan anggota dinaikkan pangkat ke BM HDI. Secara keseluruhannya, kursus ini berjalan dengan lancar dan mengikut silibus yang telah ditetapkan. Peratus pencapaian keseluruhan pelatih adalah pada tahap memuaskan dan mencapai objektif yang telah disasarkan.

KURSUS C003-0057 (HDI KELAS I)

Kursus ini telah bermula pada 8 Jan 18 dan berakhir pada 1 Jul 18. Seramai 20 orang pelatih yang terdiri daripada pengambilan 215 telah mengikuti kursus ini. Pelatih lebih banyak diajar mengenai penggunaan peralatan untuk melaksanakan kerja-kerja pengukuran dan sebagai persediaan untuk menjalani Latihan Sambil Kerja Fasa Pertama.

KURSUS C003-0059 (HDI KELAS II)

Kursus ini telah bermula pada 26 Feb 18 dan berakhir pada 1 Jul 18. Seramai 15 orang pelatih yang terdiri daripada pengambilan 216 telah mengikuti kursus ini. Pelatih telah banyak diajar mengenai pengenalan peralatan-peralatan hidrografi yang sering digunapakai semasa melakukan kerja-kerja pengukuran.

KURSUS C003-0155 (PNG HDI KELAS II)

Kursus ini telah bermula pada 4 Jun 18 dan berakhir pada 11 Nov 18. Ini adalah kursus keempat bagi tahun 2018 dilaksanakan dengan berpandukan silibus yang terkini iaitu Standard Kompetensi Tentera Laut (SKTL). Seramai 14 orang pelatih yang terdiri daripada pengambilan 214 telah mengikuti kursus ini. Pelatih lebih banyak ditekankan mengenai tatacara penggunaan peralatan-peralatan hidrografi dan pelaksanaan kerja-kerja pengukuran.

KURSUS C003-0057 (HDI KELAS I)

Kursus ini telah bermula pada 2 Jul 18 dan berakhir pada 2 Dis 18. Seramai 15 orang pelatih yang terdiri daripada pengambilan 216 telah mengikuti kursus ini. Pelatih telah diajar mengenai penggunaan peralatan untuk melaksanakan kerja-kerja pengukuran dan sebagai persediaan untuk menjalani Latihan Sambil Kerja Fasa Pertama.

KURSUS C003-0059 (HDI KELAS LI)

Kursus ini telah bermula pada 3 sep 18 dan akan berakhir pada 6 Jan 19. Seramai 15 orang pelatih yang terdiri daripada pengambilan 217 telah mengikuti kursus ini. Pelatih lebih banyak diajar mengenai pengenalan peralatan-peralatan hidrografi yang sering digunapakai semasa melakukan kerja-kerja pengukuran.



LATIHAN PRAKTIKAL BAGI PELATIH KURSUS PENYELIA HIDROGRAFI DI PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL

SPH telah mengadakan praktikal bagi pelatih Kursus Penyelia Hidrografi mulai 15 Mei hingga 26 Mei 18 bertempat Pusat Hidrografi Nasional. Latihan ini dilaksanakan selama 2 minggu.

Latihan ini berkonsepkan kemahiran menyelia pengendalian peralatan kepada pelatih. Ianya melibatkan jurulatih dan pelatih mengikut jadual yang telah disediakan. Bahan Bantuan Mengajar (BBM) yang telah diperolehi pada tahun 2013 telah digunakan secara menyeluruh dalam latihan tersebut.

Latihan ini telah memberi impak dan hasil yang positif dalam meningkatkan pengetahuan dan ketrampilan sebagai seorang pelatih. Secara keseluruhannya, latihan pengendalian peralatan pengukuran ini dapat dilaksanakan dengan jayanya seperti yang dirancang.



PERBARISAN MINGGUAN KETUA FAKULTI PELAUT

Pihak Pengurusan Tertinggi KDP telah mengeluarkan arahan kepada setiap fakulti supaya mengadakan perbarisan bulanan Ketua Fakulti. Perbarisan ini berlangsung selama 1 jam bermula pada jam 0700H - 0800H minggu pertama pada setiap bulan. Objektif perbarisan adalah untuk memastikan pakaian pelatih sentiasa berada dalam keadaan kemas, segar dan berketerampilan mengikut standard TLDM. Disamping itu ianya juga bertujuan untuk memastikan pelatih mahir dalam berkawad, meningkatkan sikap kerjasama antara pelatih dan melahirkan sifat kepimpinan di kalangan warga TLDM.



AKTIVITI SUKAN PETANG

Pada setiap hari Rabu jam 1530H hingga 1700H dan Jumaat jam 1445 hingga 1700 merupakan hari aktiviti sukan. Oleh yang demikian, SPH telah mengadakan perlawanan persahabatan di antara pegawai, jurulatih dan staf dengan pelatih SPH ataupun di antara SPH dengan sekolah-sekolah yang lain seperti perlawanan futsal, bola sepak, bola tampar dan bowling.

Aktiviti sukan seperti ini adalah amat penting bagi SPH dalam usaha melahirkan warga yang sentiasa sihat dan aktif. Selain daripada memupuk semangat setiakawan dan kesukanan, aktiviti sukan ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama anggota.



MAJLIS BACAAN YASSIN DAN TAHLIL BULANAN FAKULTI PELAUT

Majlis bacaan Yassin dan Tahlil yang bertujuan untuk merapatkan ikatan ukhwa sesama warga Fakulti Pelaut telah berlangsung di Surau Al-Fatihah KDP. Majlis ini dilakukan pada hari Khamis minggu ketiga setiap bulan.

Majlis bacaan yassin dan tahlil yang dihadiri oleh Pegawai Memerintah KDP, Ketua-Ketua Jabatan, dan kesemua warga Fakulti Pelaut ini dimulakan dengan sembahyang fardu Maghrib, bacaan Yasin dan tahlil serta sembahyang Isyak berjemaah. Majlis ini diakhiri dengan jamuan makan malam dan sesi beramah mesra antara pegawai, jurulatih dan pelatih.

MAJLIS HARI JADI, KELAHIRAN ANAK, PENGANTIN BARU DAN BERTUKAR KELUAR

Sungguh pun dalam kesibukan pengajaran, pembelajaran dan kerja-kerja di pejabat, SPH tidak lepas dari mengadakan majlis meraikan sambutan hari jadi, kelahiran anak, pengantin baru dan bertukar keluar kepada anggotanya. Majlis ini diadakan tiga kali setahun iaitu pada bulan April, Ogos dan Disember.

Majlis ini dapat memberikan impak yang positif serta mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dikalangan anggota SPH.

AKTIVITI GOTONG ROYONG

Aktiviti gotong royong ini telah dilakukan di persekitaran SPH dan kawasan penginapan pelatih iaitu Blok D15 pada hari Jumaat bermula pada jam 1500H. Aktiviti gotong-royong di persekitaran SPH melibatkan kesemua jurulatih, staf dan pelatih.

Aktiviti ini dilakukan bertujuan untuk memastikan tempat kerja dan kediaman pelatih dalam keadaan yang bersih dan sentiasa bersiap sedia untuk dibuat lawatan yang tidak terancang oleh pegawai-pegawai kanan yang telah ditugaskan.

MAJLIS PENUTUP KURSUS

Semua pelatih yang telah tamat kursus akan diraikan dengan majlis penyampaian sijil tamat kursus. Majlis ini diadakan sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan bagi memastikan pelatih-pelatih dapat menggunakan segala ilmu yang telah dipelajari di medan pengukuran yang sebenar dengan baik.




PENCAPAIAN

Berikut adalah skor penilaian dan peratus keseluruhan keputusan peperiksaan sepanjang tahun 2018. Secara keseluruhannya, kursus tersebut berjalan dengan baik dan menepati silibus yang telah ditetapkan. Semua pelatih yang terlibat sepanjang tahun 2018 telah mempamerkan disiplin dan upacara diri yang baik. Peratus keseluruhan pencapaian pelatih juga adalah pada tahap yang sangat memuaskan.

Bil	Siri Kursus	Kursus/ Aktiviti	Skor Penilaian	Peratus Keseluruhan (%)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
1.	C003-0185	Penyelia HDI	3.8	81.6
2.	C003-0057	HDI Kelas I (Intake 215)	4.1	77
3.	C003-0059	HDI Kelas II (Intake 216)	4	75
4.	C003-0155	PNG HDI Kelas II	4	80.7
5.	C003-0057	HDI Kelas I (Intake 216)	3.9	75.93
6.	C003-0059	HDI Kelas II (Intake 217)	Sedang Dilaksanakan	Sedang Dilaksanakan

**PERATUS KESELURUHAN PEPERIKSAAN
TAHUN 2018**




STATISTIK

Berikut adalah statistik pelatih yang lulus bagi setiap kursus yang dilaksanakan bagi tahun 2017:

BIL	Kursus/ Aktiviti	Peratus (%)
(a)	(b)	(c)
1.	PNG HDI Kelas II (Intake 211)	80%
2.	Penyelia HDI	82%
3.	PNG HDI Kelas II (Intake 212)	76%
4.	HDI Kelas I (Intake 214)	78%
5.	HDI Kelas II (Intake 215)	73%

**STATISTIK PERATUS PELATIH YANG LULUS
TAHUN 2017**



EPILOG

Merujuk kepada RALA 2018, Sekolah Pengajian Hidrografi (SPH) telah berjaya melaksanakan sebanyak 6 kursus bagi sepanjang tahun 2018. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan syarat-syarat Perkhidmatan Pegawai dan Askar Lasykar Angkatan Tetap, Angkatan Tentera Malaysia 2014, laluan latihan kerjaya Askar Lasykar Angkatan Tentera Malaysia (ATM) umumnya dan Askar Lasykar Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) khasnya telah ditambahbaik dengan memberi penekanan kepada peningkatan kompetensi, pengetahuan serta daya kepimpinan. Penambahbaikan yang dilaksanakan ini juga adalah seiring dengan Skim Saraan Tranformasi yang telah diumumkan oleh kerajaan. Pelaksanaan kursus kerjaya baru Askar Lasykar TLDM ini telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013.

Selaras dengan pelaksanaan kursus yang baru, SPH juga terlibat secara langsung di dalam membangunkan Buku Tugas Tentu (BTT) untuk digunapakai oleh Lasykar Dalam Latihan (LDL) bersama Tim Kajian Pembangunan (TKP) Standard Kompetensi dan Pakej Latihan LLP. Untuk makluman, silibus baru ini masih lagi dalam proses rintis dan masih banyak penambahbaikan yang diperlukan bagi menentukan sistem pembelajaran hidrografi lebih efektif dan setanding dengan institusi-institusi pengajian hidrografi yang lain.

Bagi menentukan pelatih dapat melaksanakan tugas amali setelah mempelajari secara teori di dalam kelas, SPH telah melaksanakan beberapa latihan tubi pengukuran. Latihan ini amat penting kerana ianya dapat menjadikan proses pembelajaran lebih berkesan dan efektif serta dapat melahirkan anggota yang lebih produktif dan kompetitif selari dengan kemajuan di dalam teknologi pengukuran semasa hidrografi.

KDP merupakan pusat latihan bagi segenap lapisan Navy People. Berbagai kemudahan dan fasiliti disediakan bagi tujuan pendedahan serta latihan. Antara fasiliti latihan yang terdapat di KDP adalah seperti Pusat Latihan Kemahiran Air (PLKA), Tapak Lari Berhalang dan Tapak Evolusi Ilmu Kelautan. Oleh yang demikian, pegawai, jurulatih, staf dan pelatih SPH telah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sukan yang telah dianjurkan oleh pihak pengurusan KDP bagi mengoptimumkan penggunaan kemudahan alat bantuan latihan yang sedia ada di KDP.

Secara keseluruhannya, SPH telah bekerja keras melatih dan mendidik anggota kepakaran hidrografi bagi melahirkan seorang jurukur hidrografi yang professional dan dapat memenuhi kehendak pelanggan sepenuhnya selari dengan visi, misi dan objektif SPH.

CAWANGAN HIDROGRAFI WILAYAH LAUT 2





PENUGASAN OPERASI/PENGUKURAN

VERIFIKASI ENTITI GEOGRAFI DAN KEWUJUDAN BIKON

Cawangan Hidrografi Sandakan telah ditugaskan untuk melaksanakan verifikasi entiti geografi pada carta MAL 8645 dan MAL 8617 di sekitar perairan Sandakan pada 15 Feb 18 dan 5 Apr 18 dengan menggunakan Bot Tempur (CB) dan Silverbreeze (SB). Pemantauan telah dilaksanakan semasa air pasang dan surut. Hasil pemantauan mendapati terdapat perubahan geografi yang ketara di kawasan Pulau Lankayan, muara Pulau Kinabatangan, Beting Mumiang, Pulau Gusong, Pulau Obor-obor dan Pulau Puru-puru. Terdapat juga 3 entiti beting pasir yang belum dimasukkan dalam carta MAL dijumpai di kawasan tersebut.



Selain itu, Cawangan Hidrografi Sandakan juga telah ditugaskan untuk melaksanakan pengesahan kewujudan bikon Batuan Berhala (Gibbons Rock) pada carta MAL 8617 yang telah menimbulkan kekeliruan diantara PHN, UKHO, Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan juga pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Hasil daripada tinjauan berjaya mengesahkan kewujudan bikon tersebut. Verifikasi bikon tersebut telah dilaksanakan pada 12 Jun 18 dengan menggunakan bot Tempur CB 90.




SENGGARAAN DAN PENGAMBILAN DATA PASANG SURUT

Cawangan Hidrografi Sandakan telah ditugaskan oleh Pusat Hidrografi Nasional (PHN) untuk melaksanakan kerja-kerja senggaraan dan pengambilan data pasang surut di Tanjung Lepa, Semporna. Penugasan ini adalah merupakan rutin penugasan 4 bulan yang dikhaskan oleh PHN kepada cawangan ini.

Kerja-kerja adalah merangkumi pengambilan data arus pasang surut, penukaran bateri tolok pasang surut, membuang teritip di peralatan dan pemeriksaan tolok pasang surut.

Sepanjang tahun 2018, penugasan ini telah dilaksanakan sebanyak 2 kali iaitu pada 28 Mac 18 dan 6 Nov 18. Data berikut telah dihantar ke Seksyen Oseanografi, PHN untuk disemak dan diterjemahkan di dalam buku jadual pasang surut yang akan datang.



PENGUKURAN HIDROGRAFI DI SEKITAR PERAIRAN PELABUHAN KUNAK (AH 03/18)

Cawangan Hidrografi Sandakan telah berjaya melaksanakan pengukuran hidrografi di sekitar perairan Pelabuhan Kunak sesuai Arahan Hidrografi 03/18 yang bertujuan untuk mendapatkan data batimetri terkini kerana kawasan sekitar perairan Pelabuhan Kunak telah mengalami banyak perubahan dengan peningkatan aktiviti perkapalan dan pembangunan.





Tanda aras baru telah dipasang di penjurong bangunan SESB Jeti Pelabuhan Kunak. Ianya diperbuat daripada plat tembaga dan mempunyai tulisan tanda aras TLDM NO: 16005 ST berwarna merah di atas plat tersebut. Tolok pasang surut telah dipasang di Jeti Pelabuhan. Pengarasan dilakukan dengan menggunakan tanda aras baru yang telah dipasang.

Pengukuran telah dilaksanakan bermula 24 Jul 18 hingga 14 Ogos 18. Pengukuran berjaya dilaksanakan sepenuhnya dengan menggunakan Bot Hidrografi 2 (BH 2). Pemerum Gema Berbilang Aur (PGBA) Kongsberg EM2040C dan perisian Seafloor Information System (SIS) digunakan untuk perolehan data. Kesemua data tersebut diproses menggunakan perisian CARIS HIPS and SIPS 10.4.8 dengan keluasan keseluruhan kawasan pengukuran adalah 67 km².

Data pasang surut diperoleh dari Tolok Pasang Surut VALEPORT 740 yang telah dipasang di Jeti Pelabuhan Kunak berpandukan tanda aras TLDM BM16005ST. VALEPORT 740 telah dipasang mulai 24 Jul 18 hingga 25 Ogos 18. Nilai Datum Perum yang diperoleh dari hasil pengelasan adalah 3.463 meter di bawah tanda aras BM16005ST.

Pengukuran terpaksa ditangguhkan lebih awal kerana BH 2 mengalami kerosakan pada Strum Box Stbd P-Bracket pada 20 Jul 18 mengakibatkan kemasukan air sebanyak 1 L/ minit dan membahayakan bot serta anggota. BH 2 terpaksa pulang ke TPS untuk melaksanakan pembaikan di limbungan pada 10 Ogo 18 selama 3 minggu. Selesai pembaikan, pengukuran AH 03/18 disambung semula dan berjaya diselesaikan walaupun bukan dalam tempoh masa yang ditetapkan.




PENGUKURAN SEKITAR PERAIRAN TELUKAN LAHAD DATU, SABAH (AH 06/18)

Cawangan Hidrografi Sandakan seterusnya telah melaksanakan pengukuran hidrografi di sekitar perairan Pelabuhan Telukan Lahad Datu, sesuai dengan Arahan Hidrografi 06/18 (AH 06/18). Pengumpulan data batimetri terkini dan komprehensif dikawasan ini diperlukan untuk mengemaskini maklumat carta MAL 8503 sedia ada bagi tujuan penerbitan carta khas berskala besar. Pengukuran pada kali ini menggunakan Sistem PGBA NORBIT iWBMS dan sistem perolehan Hypack 2018 untuk mendapatkan data batimetri berdensiti tinggi bagi perolehan data.

Kawasan pengukuran adalah seluas 233.17 km² dan menggunakan BH 2 sebagai platform pengukuran. Pengukuran dilaksanakan selama 40 hari bermula 5 Okt 18 sehingga 19 Nov 18. Bantuan bekalan air tawar dan himpitan Tim Ukur mendapatkan bantuan daripada pihak Pelabuhan Kunak.

Keseluruhannya, pengukuran ini berjaya dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan walaupun mengalami beberapa masalah teknikal dan kerosakan pada alat ukur yang menjejaskan tempoh pengukuran namun sepanjang pengukuran BH 2 dapat beroperasi dengan baik tanpa sebarang kerosakan.





Mapping the Sea, Through Hydrography

www.hydro.gov.my





**NATIONAL
HYDROGRAPHIC
CENTRE**

**ROYAL
MALAYSIAN
NAVY**

Bandar Armada Putra, Pulau Indah,
42009 Pelabuhan Klang,
Selangor, MALAYSIA

Tel : +603-31694400 Fax : +603-31691311

 nhc@hydro.gov.my

 NatHydroCentre

 NatHydroCentre

Mapping the Sea,
Through Hydrography